



Dapatkan e-paper  
MHI di sini

# 100 hari ditepati



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menunjukkan 'booklet' Pencapaian 100 Hari Kerajaan Negeri dan buku Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 di Auditorium Seri Negeri sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari dan EXCO Kanan Pelaburan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh. Foto: Iqmal Haqim Rosman

- 28 Feb 2022, genap 100 hari pentadbiran baharu kerajaan negeri
- 100 peratus janji 100 hari manifesto pilihan raya ditunaikan
- Setiap pencapaian terus dipantau dalam tempoh 1, 3 dan 5 tahun
- Tambah baik Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi kedua
- Pacu pertumbuhan ekonomi, galak pelaburan dan perkasa pelancongan
- PSMJ 2035: Laporan prestasi dibentang setiap bulan **2&3**



Fasa endemik  
bermula 1 April

4&5

Melaka  
Gateway  
bakal bawa  
pulangan  
lebih RM15  
bilion

6



Ajal kereta  
'terjun'  
jambatan



27

# Melaka tunai 58 inisiatif dalam 100 hari

Liana Sahabudin & Faiz Hasan

**SERI NEGERI** - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengumumkan kesemua 58 inisiatif yang dijanjikan dalam tempoh 100 hari pentadbiran berjaya dicapai.

Katanya, pencapaian 100 peratus itu dicapai sejak mentadbir negeri bermula 21 Nov hingga 28 Feb lalu, sekali gus membuktikan betapa kerajaan negeri komited dalam memakmur dan mensejahterakan Melaka.

"Kesemua 58 inisiatif ini terkandung dalam lima teras yang dijanjikan yang mana kita sudah laksanakan dan ada juga yang masih berjalan, selain ada yang telah diluluskan secara dasar."

"Kesemua pencapaian ini membuktikan betapa seriusnya kerajaan negeri dalam melunaskan kesemua tawaran 100 hari seperti yang dijanjikan kepada rakyat sebelum ini."

"Jadi kepada pihak yang bertanyakan tentang apa yang telah dilakukan pentadbiran kerajaan negeri, inilah yang telah kita bukti dan laksanakan. Janji ditepati, janji mesti dilunaskan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Dan Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju

Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 di Auditorium Seri Negeri, 11 Mac lalu.

Hadir sama Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari; EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh; barisan EXCO kerajaan negeri dan lain-lain kenamaan.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, kejayaan itu bukanlah kejayaan miliknya seorang, sebaliknya ia dibantu pelbagai pihak yang turut sama terlibat terutamanya barisan EXCO dan penjawat awam negeri.

Selain itu, kata beliau, pendekatan terbuka turut diamalkan dalam memastikan semua pegawai terlibat dapat berbincang demi pembangunan dan kemajuan negeri.

"Jadi sebenarnya kejayaan ini adalah kejayaan bersama semua yang terlibat untuk menjaya-kan janji-janji di dalam Manifesto Barisan Nasional (BN) yang telah di 'aku janji' kan pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang lepas," katanya.

"Ke se mua  
pe nc a pa i a n i n i  
me mb u kti ka n  
be ta pa se ri usn y a  
ke raja a n ne ge ri d a la m  
me luna ska n ke se mua  
ta war a n 100 ha ri se -  
pe ri ya ng d i ja njik a n  
ke p a da ra kya t  
se b e lum i n i"



**SULAIMAN** ketika berucap pada Majlis Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Dan Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 di Auditorium Seri Negeri. Foto: Iqmal Haqim Rosman

## ANTARA PENCAPAIAN 100 HARI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI

### TERAS 1 – KESTABILAN POLITIK

- \* Iktiraf peranan ADUN Bukan Kerajaan sebagai rakan strategik.
- \* Peruntukan RM100,000 untuk setiap ADUN Bukan Kerajaan.

### TERAS 2 – LONJAKAN EKONOMI BAHRU

- \* M-WEZ sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi Melaka.
- \* Wujud zon perniagaan terancang.
- \* Dana Kasih Niaga bagi 1,000 usahawan kecil.
- \* RM100,000 untuk latihan dan bantuan e-hailing.
- \* RM1,000 seorang kepada 1,176 orang nelayan secara 'one-off'.
- \* Bantuan Sara Hidup RM393,000 kepada 1,310 petani dan penternak.

### TERAS 3 KECEKAPAN TADBIR URUS

- \* Perluaskan perkhidmatan Digital Melaka - Gerbang Pembayaran Bersepadu Kerajaan Negeri Melaka, Melakapay dan E2E.

### TERAS 4 – MASYARAKAT BERSATU PADU

- \* RM200 bantuan Pengurusan Jenazah waris dalam kategori B40.
- \* Sedia 'Buskers Corner' untuk belia.
- \* RM200,000 untuk pembangunan e-sport.

- \* Penetapan harga siling Rumah Mampu Milik RM180,000 dan Skim Perumahan Belia.

- \* Internet percuma di 28 JAPERUN, 30 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi).
- \* RM200,000 laksana Program Rohaniah Belia.

- \* Warta lima kampung masyarakat **Orang Asli**: Kampung Orang Asli Solok Terentang, Bukit Seraya, Lubuk Bandung, Bukit Payung dan Machap Umboo.
- \* 5,205 OKU Melaka terima Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya.

- \* Mewajibkan semua kanak-kanak Islam mendapat pendidikan agama di Sekolah Rendah Agama.
- \* Peminjam Tabung Amanah Pendidikan Negeri Melaka (TAPEM) mendapat Ijazah Kelas Pertama diberi pengecualian bayaran balik pinjaman (pertukaran kepada biasiswa).

- \* Skim Insurans Kesihatan dan Nyawa kepada 7,148 warga emas.
- \* Bantuan Nutrisi Sejahtera B40 - sedia 1,000 kit makanan bagi setiap DUN.
- \* Bekalan lampin pakai buang dewasa, bantuan susu kepada pesakit terlantar, OKU dan warga emas.

- \* Diskaun 10 peratus bagi RT-PCR dan tawaran harga rendah bagi pembelian barang seperti hand sanitizer, face mask dan kit ujian RTK-Antigen.

- \* Meneruskan semua inisiatif bagi membantu peniaga dan rakyat terkesan akibat COVID-19.

- golongan sasar (penerima bantuan JKM, OKU dan asnaf).

- \* Buka pusat hentian e-hailing di Melaka Mall dan Bandar Baru Merlimau.

- \* Diskaun sehingga 57 peratus bagi anak Melaka berkunjung ke 33 lokasi pelancongan.

- \* Dasar pelepasan dan pengurangan cukai kepada pusat-pusat pelancongan tawar pakej untuk kategori T20.

### TERAS 5 – PEMBANGUNAN MAPAN DAN PERKONGSIAN KEMAKMURAN

- \* Sedia 24 bas henti-henti baharu.
- \* Bas Penyayang - percuma untuk

### WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang letaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

14 Mac - 20 Mac 2022 (11 Syaban-17 Syaban 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
14 Mac 2022	6.10am	7.18am	1.23pm	4.30pm	7.25pm	8.34pm
15 Mac 2022	6.10am	7.18am	1.23pm	4.29pm	7.25pm	8.33pm
16 Mac 2022	6.09am	7.17am	1.22pm	4.28pm	7.24pm	8.33pm
17 Mac 2022	6.09am	7.17am	1.22pm	4.28pm	7.24pm	8.33pm
18 Mac 2022	6.09am	7.17am	1.22 pm	4.27pm	7.24pm	8.33pm
19 Mac 2022	6.08am	7.16am	1.21pm	4.26pm	7.23pm	8.32pm
20 Mac 2022	6.08am	7.16am	1.21pm	4.25pm	7.23pm	8.32pm

# PSMJ 2035 ditambah baik - KM

Faiz Hasan

**SERI NEGERI** - Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) Versi Kedua ditambah baik bagi menyokong tahun 2022 sebagai tahun Kecekapan Pelaksanaan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, setiap dokumen yang ditambah baik mempunyai perbezaan pada tahun lalu sebagai rujukan yang diambil untuk pelaksanaan projek yang ditabir kerajaan negeri.

Beliau berkata, versi kedua itu akan mencerminkan aspirasi kerajaan negeri untuk memacu dan merancakkan ekonomi Melaka, memperkasa nilai pelaburan, pelancongan, pemuliharan warisan dan peningkatan modal insan.

"Dokumen PSMJ 2035 versi kedua ini merupakan satu '*living document*' yang ditambah baik men-

gikut kehendak dan keperluan semasa termasuk disesuaikan dengan penstrukturkan portfolio barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

"Mengambil kira tahun 2022 adalah Tahun Kecekapan Pelaksanaan, maka dokumen PSMJ 2035 Versi Kedua adalah merupakan sebuah dokumen yang disediakan sebagai suatu rujukan yang diambil untuk mengukur kecemerlangan pelaksanaan projek dan program pentadbiran di peringkat Kerajaan Negeri Melaka.

"Ia adalah hasil daripada percambahan fikiran dan idea semua pihak berkepentingan dalam Konvensyen Hala Tuju Perancangan Pembangunan Negeri Melaka yang telah diadakan pada Jan lalu dengan setiap 'flagship' telah distruktur semula dan akan diukur pencapaiannya berdasarkan kepada Key Performance Indika-

tor (KPI) yang telah ditetapkan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Pencapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Dan Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 di Auditorium Seri Negeri, 11 Mac lalu.

Pada masa sama, Sulaiman berkata, Projek Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang merupakan antara perancangan besar kerajaan negeri akan diteruskan.

Katanya, Pelan Induk M-WEZ yang telah disiapkan bakal menjadi rujukan dan panduan pelabur dalam pembangunan di kawasan itu.

"Selain itu, perancangan lain adalah untuk menjadikan Melaka sebagai sebuah Negeri Pintar menjelang tahun 2035 serta sebuah negeri pelaburan dan destinasi pelancongan terpilih," katanya.



BUKU Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 yang ditambah baik bagi menyokong 2022 sebagai tahun Kecekapan Pelaksanaan.

Foto: Iqmal Haqim Rosman



**MUHAMAD Akmal**  
Foto: Iqmal Haqim Rosman

## Fokus tingkat mutu kesihatan awam Melaka

**SERI NEGERI** - Bilik rawatan khas buat warga emas disediakan di setiap klinik kesihatan di negeri ini bagi memperkasa mutu perkhidmatan kesihatan awam Melaka.

EXCO Kesihatan negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, inisiatif itu bertujuan memberikan keselesaan dan mengelakkan warga emas daripada menunggu lama

bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan.

"Insya-Allah menerusi inisiatif ini masa menunggu bagi warga emas dipendekkan, jadi mereka tak perlu tunggu lama.

"Kerajaan negeri di bawah tumpuk pimpinan Barisan Nasional (BN) juga memastikan dalam tempoh 100 hari kemudahan di klinik kesihatan dinaik taraf," katanya ke-

pada Melaka Hari Ini.

Menurutnya, pelbagai inisiatif lain dalam sektor kesihatan akan dilaksanakan, selain memberi jaminan BN mampu menuaikan segala janji selepas memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Nov tahun lalu.

Ujarnya, inisiatif itu termasuklah rebat lima peratus bagi anak Melaka menerima perkhidmatan

kesihatan di Hospital Pakar Putra.

Selain itu, kerajaan negeri melalui Perbadanan Bioteknologi Melaka (MBC) turut menawarkan harga murah bagi pembelian kit ujian kendiri RTK COVID-19 dan pembelian cecair pemasmi kuman serta pelitup muka.

Malah katanya, ujian RT-PCR yang dikelolakan MBC turut diberi potongan harga 10 peratus.

## Realisasi janji sedia WiFi percuma

Fiqah Jamal

**PAYA RUMPUT** - Sebanyak 28 Kompleks Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelaras Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) di negeri ini dilengkapi kemudahan sambungan jaringan jalur lebar (WiFi) secara percuma kepada

orang ramai.

EXCO Teknologi negeri Datuk Rais Yasin berkata kemudahan itu telah diberikan dalam tempoh 100 hari Barisan Nasional (BN) mentadbir negeri Melaka selepas memenangi 21 kerusi dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Nov tahun lalu.

Katanya, antara pencapaian lain yang beliau tunjukkan adalah dengan mewujudkan 30 Pusat Ekonomi Digital Keluarga Malaysia (PEDi) di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam negeri itu. "28 Feb lalu telah genap 100 hari, dan pencapaian paling utama yang

diletakkan dalam setiap manifesto ADUN adalah dengan mewujudkan jaringan jalur lebar yang bagus di kawasan masing-masing.

"Jadi di setiap JAPERUN dalam Melaka mempunyai WiFi untuk digunakan semua golongan khususnya belia.

"Selain itu, sebanyak 30 PEDi yang merupakan inisiatif daripada MCMC (Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia) telah diwujudkan dan kini hanya berbaki sembilan lagi DUN dan jangkaan pada hujung tahun ini semua PEDi telah dapat digunakan," katanya.

## Capai 30 peratus penglibatan wanita dalam sektor awam

**BANDA HILIR** - Kerajaan negeri berjaya mencapai 30 peratus penglibatan golongan wanita di pering-

kat membuat keputusan bagi sektor awam.

EXCO Hal Ehwal Wanita, Datuk Kalsom Noordin berkata, bagaimanapun usaha untuk mencapai sasaran 30 peratus penglibatan wanita sebagai pembuat dasar atau keputusan di negeri ini masih lagi jauh.

"Di Melaka, sektor awam dah capai 30 peratus penglibatan wanita di jabatan dan agensi kerajaan negeri, tetapi untuk pembuat dasar masih belum dicapai iaitu sekitar 10 peratus sahaja buat masa ini.

"Daripada segi politik penglibatan wanita masih

tidak ramai dan saya berpendapat golongan wanita ini perlu berusaha lebih lagi untuk mencapai peringkat yang lebih tinggi.

"Wanita harus bersatu daripada segi membuat dasar dengan memberi pemikiran idea dan sebagainya..tidak perlu ada perbezaan pendapat apabila ada satu dasar dibincangkan atau diajukan, kita wanita harus bersama," katanya.

Dalam pada itu, Kalsom meminta supaya golongan wanita khususnya di negeri ini menceburi bidang perniagaan sebagai

inisiatif menjana untuk pendapatan harian.

"Di Melaka ada ramai usahawan wanita yang ber-

bilang latar belakang, ada ibu tunggal dan macam-macam lagi...salah satu cara untuk mereka bangkit ada-

lah dengan menceburi bidang perniagaan, tetapi mereka perlu ada ilmu," katanya.



**KALSUM**



# Sempadan dibuka, boleh rapatkan saf mulai 1 April - PM

Salman Hamat

**KUALA LUMPUR** - Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan sempadan negara akan dibuka bermula 1 April, selain kelonggaran aktiviti sebelum ini tertakluk kepada prosedur operasi standard (SOP) sejak penularan pandemik COVID-19 dua tahun lalu.

Beliau berkata, fasa peralihan ke endemik adalah 'exit strategy' bagi membolehkan rakyat Malaysia kembali semula kepada kehidupan normal.

Ia juga pada masa sama, merancakkan semula ekonomi negara secara keseluruhan khususnya industri pelancongan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Antara pengumuman Perdana Menteri yang menarik perhatian khusus umat Islam bakal menyambut bulan Ramadan tidak lama lagi adalah kebenaran solat berjemaah tanpa penjarakan fizikal satu meter dan restoran atau kedai makan dibenarkan beroperasi 24 jam mengikut

syarat lesen.

"Aktiviti solat di surau, masjid atau upacara sembahyang di rumah ibadat lain boleh tanpa penjarakan sosial. Selepas ini imam di masjid boleh cakap, rapatkan saf tanpa perlu penjarakan sosial satu meter.

"Walau bagaimanapun perkara ini tertakluk kepada kuasa agama setiap negeri, ini cadangan kerajaan persekutuan, penentuan di tangan kerajaan negeri.

"Kita serah kepada negeri kerana ia tertakluk kepada bidang kuasa negeri," katanya pada sidang media khas 8 Mac lalu.

Ismail Sabri berkata, kebenaran premis perniagaan termasuk restoran dibuka mengikut waktu operasi masing-masing mengikut syarat lesen juga memberi keselesaan kepada umat Islam menunaikan ibadat berpuasa khusus untuk bersahur.

"Dalam bulan Ramadan kita tahu ramai bersahur diluar di restoran. Oleh kerana restoran dibuka 24 jam maka ia mempermudahkan umat Islam bersahur di restoran," katanya.



ISMAIL Sabri (tengah) ketika membuat pengumuman khas peralihan fasa endemik negara bermula 1 April.

## Tingkat promosi pelancongan, pelaburan Melaka - KM

Liana Sahabudin & Siti Salehah

**SERI NEGERI** - "Selepas dua tahun ekonomi Melaka suram, saya minta semua yang bertanggungjawab bangkit kembali tingkatkan ekonomi seperti mana negeri Melaka pernah gemilang pada suatu ketika dahulu".

Itu saranan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali ketika ditanya mengenai persediaan Negeri Melaka untuk menyambut kehadiran pelancong apabila sempadan negara mula dibuka pada 1 April depan.

Menurutnya, pemain industri pelancongan juga perlu mempromosikan lebih banyak produk pelancongan untuk menarik lebih ramai pelancong yang datang ke negeri ini.

"Seperti diumumkan Perdana Menteri sempadan negara akan dibuka pada 1 April, dan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sayadah maklumkan terutamanya sektor pelancongan untuk tingkatkan promosi.

"Dahulunya pelancong datang ke Melaka lebih 19 juta, jadi banyak tempat-tempat pelancongan yang perlu dipromosikan, pergilah keluar negeri Melaka untuk promosi produk pelancongan negeri ini."

"Begitu juga sektor industri, kita perlu menarik pelabur-pelabur untuk datang kesini dan jadikan Melaka sebagai sebuah destinasi pelaburan yang terbaik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pencaapaian 100 Hari Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Dan Pelancaran Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035) versi 2 di Auditorium Seri Negeri, 11 Mac lalu.

Mengulaslanjut, Sulaiman berkata, Melaka telah pun bersedia 100 peratus untuk menerima kehadiran pelancong luar memandangkan semua kemudahan infrastruktur telah



SULAIMAN (tiga dari kanan) ketika melancarkan Bas Pelancongan Elektrik Singgah-Singgah Negeri Melaka di Melaka Sentral. Foto: Iqmal Haqim Rosman

dibajik pulih.

Dalam perkembangan lain, pada 10 Mac, Sulaiman turut melancarkan Bas Pelancongan Elektrik Singgah-Singgah dalam usaha menambah baik perkhidmatan pelancongan di negeri ini.

Menariknya, perkhidmatan bas berkenaan akan diberi secara per-cuma selama enam bulan bermula 11 Mac hingga penghujung Mei depan.

Menurut Sulaiman, Bas Singgah-Singgah itu akan melalui enam 'pit stop' di kawasan pelancongan dan kawasan bersejarah UNESCO seperti Zoo Melaka, Menara Taming Sari, Muzium Kapal Selam dan Dataran Klebang.

"Perkhidmatan bas elektrik ini dijangka akan dinikmati oleh kira-kira 290,000 orang setahun."

"Diharap dengan adanya perkhidmatan bas elektrik ini juga ia boleh menjadi ikon dan produk baharu Melaka selain dapat menarik lebih ramai pelancong sama ada dalam maupun luar negeri untuk datang," katanya.

**PEMBUKAAN SEMPADAN NEGARA**

Rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan sah boleh keluar masuk negara dan dibenar pergi ke mana-mana negara yang turut membuka pintu sempadan.

- PROSEDUR WAJIB**  
Individu lengkap vaksinasi tidak perlu kuarantin hanya lakukan ujian pengesanan.
  - RT-PCR dua hari sebelum berlepas
  - RTK-Ag ( profesional ) dalam masa 24 jam selepas ketibaan
- PEGEMBARA LUAR**  
Pemilik dokumen sah dibenarkan:
  - Keluar/masuk Malaysia tanpa MyTravelPass
  - Perlu muat turun aplikasi MySejahtera & lengkapkan Pre-Departure Form melalui fungsi Traveller
- WARGANEGERA**  
Pemilik dokumen khas dibenarkan:
  - Keluar/masuk Malaysia seperti biasa
  - Ke negara yang turut buka pintu sempadan kepada pengembara luar

[www.melakahorizon.my](http://www.melakahorizon.my) [Facebook](#) [Twitter](#) [Instagram](#) [Melaka TV](#) [Malaka 1v](#)

**SOP FASA ENDEMIK MULAI 1 APRIL 2022**

- Pemakaian pelitup muka di tempat awam.
- Pemilik premis wajib pastikan sistem pengudaraan baik dalam premis.
- Menjaga kebersihan tangan.
- Ujian pengesanan COVID-19 mengikut tatacara National Testing Strategy.
- Had waktu operasi bagi premis perniagaan dimansuhkan (ikut syarat lesen operasi)
- Pendaftaran MySejahtera masih diwajibkan.
  - Dikecualikan untuk kawasan terbuka, tidak sesak dan tidak perhimpunan.
- Aktiviti solat berjemaah di masjid/surau atau upacara sembahyang di rumah ibadat boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal.
  - Tertakluk kepada ketetapan Pihak Berkua Agama Negeri & Kementerian Perpaduan Malaysia/Unit Hal Ehwal Agama-Agama Lain (UNIFOR).
- Keperluan vaksinasi
  - Had kapasiti pekerja yang bergantung kepada liputan vaksinasi dimansuhkan.
  - Rentas negeri dibenarkan tanpa mengira status vaksinasi.
- Kekerapan dan cara melakukan pembersihan premis diseragamkan bagi setiap kementerian.
- Individu disyaki atau disahkan positif COVID-19 wajib mematuhi garis panduan ditetapkan KKM.

[Sumber : Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob](#) [Infografik : Melaka Hari Ini](#)

# Sasar pelancong Rusia, empat negara ke Melaka

Fiqa Jamal

**AYER KEROH** - Satu perbincangan bersama kedutaan Rusia akan diadakan dalam masa terdekat ber tujuan menarik pelawat dari negara Eropah Timur itu melancong ke Melaka kata EXCO Pelancongan negeri, Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Muhammad Jailani berkata, cadangan itu sesuai dengan pembukaan pintu sempadan negara bermula 1 April depan yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, pada 8 Mac.

"Kehadiran pelancong Rusia akan membantu meningkatkan sektor mikroekonomi negeri ini dan berharap tidak ada sekatan buat rakyat negara itu untuk memasuki Malaysia.

"Disebabkan krisis antara Rusia dan Ukraine, pelancong negara itu tidak akan ke Eropah

Barat. Jadi, Melaka bersedia menerima kehadiran mereka," katanya pada sidang media di Ayer Keroh, 9 Mac lalu.

Mengulas mengenai pengumuman pembukaan sempadan negara Muhammad Jailani berharap pelancong China, Indonesia, Singapura dan Taiwan akan terus memilih Melaka sebagai destinasi percutian utama mereka.

"Menerusi Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) negeri, kita sudah bersedia lebih 100 peratus untuk menerima kehadiran pelancong luar negara khususnya empat negara ini.

"Malaysia adalah destinasi pelancongan kesihatan bagi pelawat daripada empat negara berkenaan, jadi saya harap apa yang direncanakan ini berjalan lancar dan kegemilangan Melaka dapat dikembalikan," katanya.

Pada masa sama, katanya,



MELAKA bersedia menerima pelancong luar negara selepas pintu sempadan dibuka mulai 1 April.

Foto: Iqmal Haqim Rosman

Melaka turut bersedia menarik lebih 1 juta pelancong Indonesia yang ingin mendapatkan perkhid-

matan kesihatan di negeri ini.

Untuk itu, katanya, kerajaan negeri akan mengusulkan Melaka

menjadi pintu masuk bagi koridor pelancongan kesihatan melalui jalan udara dan laut.

## Teruja sambut pelancong luar ke Melaka

**AYER KEROH** - Pengumuman pembukaan sempadan negara sepenuhnya bermula 1 April ini menjadi khabar gembira yang dinanti-nanti buat pemain industri pelancongan negeri Melaka.

Presiden Persatuan Pelancongan Melaka (MTA), Madeline WL Kuah berkata, beliau mewakili pemain industri pelancongan negeri mengalau-alukan pengumuman memberankan pelancong luar masuk ke Malaysia selepas sepi selama dua tahun tanpa pelancong asing.

Beliau turut mengharapkan pengembara luar negara memilih Melaka sebagai destinasi pelan-



MADELINA

congan negara," katanya.

Nada sama turut disuarakan oleh Pengurus Persatuan Hotel Bajet Malaysia (MyBHA) Sazali Sabri, yang mengharapkan pengumuman yang sememang dinanti-nantikan oleh pemain industri pelancongan.

Katanya, diharapkan dengan pembukaan pintu sempadan negara sepenuhnya, prosedur operasi standard (SOP) tidak dilupakan meskipun dilonggar kan dalam menuju ke fasa endemik kelak.

"Syukur, memang itu yang kami nantikan. Dalam kegembiraan menyambut pengumuman besar ini, saya juga harapkan SOP masih dikekalkan bagi



SAZALI

menyambut kehadiran pengembara luar pula," katanya.

Presiden Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA) Melaka, Goh Hock Gin turut berkongsi keterujaan sama dan menyifatkan ia memberi keliahan buat pemain industri pelancongan yang telah lama menunggu kehadiran pelancong dari negara luar.

"Kita dah lama bersedia dan tunggu kehadiran mereka di Melaka, tapi kena lihat juga penerbangan mereka sebab ada negara yang masih belum dibuka sempadan.

"Kita harap pelancong dari Indonesia, Vietnam,



HOCK GIN

Thailand dan Singapura akan datang ke Melaka, kerana hampir 50 peratus dari empat tempat ini adalah yang sering berkunjung ke negeri ini," katanya.

## Tarik minat pelancong luar beli produk tempatan

Liana Sahabudin

**BANDA HILIR** - Golongan peniaga di negeri ini menarik nafas lega selepas kerajaan mengumumkan sempadan antarabangsa bakal dibuka bermula bulan hadapan.

Pengumuman itu paling ditunggu selepas perniagaan masing-masing terjejas dek penularan wabak pandemik COVID-19 sejak tahun 2020 hingga mengakibatkan penutupan sempadan negara dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Seorang peniaga, Wahida Mohd Yusof, 53, berkata dengan pengumuman itu dia dapat memperluaskan rangkaian perniagaannya dengan memasarkan produk kuih raya kepada pelancong luar yang akan tiba tidak lamalagi.

"Saya berniaga kuih raya dah hampir empat tahun, setakat ini buat bisnes secara dalam talian sahaja... tapi ada juga ber niaga di bazar sewaktu bulan puasa, letak di kedai-kedai dan lain-lain."

"Diharap pembukaan sempadan memberi peluang kepada

saya untuk pasarkan kuih raya yang saya hasilkan kepada pelancong asing yang bakal memasuki negara tidak lama lagi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Wahida berkata, susulan itu dia kini giat menjalankan persediaan dan strategi pemasaran berkesan bagi membolehkan produk yang dihasilkannya menarik minat pelancong asing.

"Tahun ini kita cuba minta rangkaian-rangkaian perniagaan lain untuk ambil produk kita, bukan sahaja di Melaka malah negeri-negeri pelancongan lain," katanya.



PENIAGA berharap produk tempatan mendapat sambutan pelancong luar selepas sempadan dibuka bermula 1 April.



**YANG di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam, diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja di Istana Negara, Kuala Lumpur pada 9 dan 10 Mac lalu. Mesyuarat Kali Ke-258 itu dipengerusikan Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin. Turut mencemar duli berangkat menghadiri mesyuarat ialah Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.**

# Melaka Gateway diserah kembali kepada KAJ Development

Liana Sahabudin

**PULAU MELAKA** - Kerajaan negeri bersetuju menyerahkan kembali Projek Melaka Gateway (MGW Project) kepada KAJ Development Sdn Bhd.

EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, projek berkenaan akan membawa pulangan mencecah sehingga RM3.4 bilion dan dijangka meningkat kepada RM 15.25 bilion dalam tempoh enam tahun akan datang.

"Projek itu telah dimeterai menerusi perjanjian bagi pelaksanaan di Pulau Satu (PME1) pada 23 Feb lalu oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

"Pembangunan di PME1 akan dimulakan den-

gan pembinaan Terminal Kapal Pelayaran Antarabangsa (MICT) dijangka siap dalam tempoh 15 bulan dengan jumlah pelaburan RM 1.5 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan rasmi ke Projek Melaka Gateway di Pulau Melaka, di sini 8 Mac lalu.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif KAJ Development Sdn Bhd Datuk Michelle Ong, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Datuk Zainal Abu, Pengarah Pembangunan Perniagaan KAJ Development Sdn Bhd Datuk Kamarudin Ahmad dan lain-lain kenamaan.

Pada lawatan itu Ab Rauf turut meninjau tapak pembangunan di PME1 sebelum diberikan penerangan

mengenai perkembangan terkini projek berkenaan.

Jelasnya, PME1 juga bakal menyaksikan kemunculan taman tema moden bertaraf dunia yang bakal menarik lima juta pengunjung setiap tahun.

"Taman tema ini dijangka siap pada tahun 2026 dengan jumlah pelaburan sebanyak RM 1.5 bilion.

"Kerajaan negeri juga telah memberi kelulusan kepada KAJD untuk membangun dan meneruskan operasi Terminal Cruise dalam lingkungan Zon Ekonomi Waterfront Melaka (M-Wez)," katanya.

Tambahnya lagi, keseluruhan projek itu dijangka menarik pelaburan lebih RM46 bilion.

"Ia sekali gus menyumbang lebih RM 125 bilion kepada Keluaran Dalam Negeri



**AB Rauf (tiga dari kanan) diberi penerangan mengenai projek pembangunan yang akan dibangunkan di Melaka Gateway.** Foto: Iqmal Haqim Rosman

Kasar (KDNK) Melaka dengan unjuran impak berganda sebanyak RM 1.2 trilion.

"Manakala PME1 sahaja akan menyumbang lebih RM 32.5 bilion kepada KDNK

Melaka dengan impak berganda sebanyak RM 306.73 bilion," katanya.



**ZAIID** bergambar bersama penjawat awam yang hadir sempena Majlis Bicara Eksekutif Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka, Memacu Kecekapan Pentadbiran Awam Negeri Melaka Tahun 2022. Foto Iqmal Haqim Rosman

## R.E.S.P.O.N.S.I.V.E tingkat kecekapan penjawat awam Melaka

**SERI NEGERI** - Kerajaan negeri memperkenalkan konsep 'RESPONSIVE' yang meliputi 10 nilai utama bagi memastikan kecekapan perkhidmatan awam pada setiap pemegang taruh dilaksanakan dengan sebaiknya.

Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari berkata, semua penjawat awam perlu menjajal semula fungsi organisasi bagi memastikan kebolehlaksanaan perkhidmatan supaya memanfaatkan seluruh masyarakat di negeri Melaka.

"Konsep ini meliputi R- Revolutionary, E- Economic, S- Strategic Thinking, P- Partnership, O- Output, N- Neutral, S- Systematic, I- Integrity, V- Visionary dan E- Efficient and Ef-

fective.

"Dengan adanya konsep ini penjawat awam perlu mempersiapkan diri dengan meningkatkan pembelajaran untuk menambah ilmu pengetahuan yang lebih mendalam.

"Selagi kita duduk di kerusi yang kita ada sekarang, kalau kita boleh berkhidmat dan memberi perkhidmatan dengan baik, laksanakanlah sebaik mungkin... jangan sombong atau ego dengan kedudukan yang ada," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Bicara Eksekutif Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka 'Memacu Kecekapan Pentadbiran Awam Negeri Melaka Tahun 2022' di

Auditorium Seri Negeri di sini, 10 Mac lalu.

Hadir sama Penasihat Undang-Undang Negeri, Datuk Abd Aziz Engan dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Salihah Salleh.

Dalam pada itu, Zaidi turut mengingatkan penjawat awam supaya sentiasa peka dan dapat mengamalkan peraturan serta arahan yang masih berkuatkuasa untuk menghadapi cabaran atau situasi genting.

"Saya harap ketua jabatan atau penjawat awam dapat melipatgandakan usaha bagi mempertukuh integriti dan tadbir urus organisasi agar terus mempa kejayaan baharu tahun 2022," katanya.

*Tahniah*

# 100 HARI

## PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI MELAKA

Di bawah kepimpinan  
**YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN  
BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA**  
 Dan  
**YB SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, YB EXCO,  
YBAHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI DAN  
SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA**



*Setulus Ikhlas Daripada*

**PANORAMA**  
*Melaka*

*Ahli Lembaga Pengarah  
dan Seluruh Warga Kerja Panorama Sdn. Bhd.*

(Pencapaian Manifesto 100 Hari)  
 Program Bas Penyayang Untuk Golongan Bersasar Ke Seluruh  
 Laluan Bas Henti-Henti Negeri Melaka

- Penerima Bantuan Asnaf
- Penerima Bantuan JKM



## NO2 - TANJUNG BIDARA

# Program 'Back to School' ringankan beban ibu bapa

**TANJUNG BIDARA** - Program Back To School anjuran JAPERUN Tanjung Bidara membantu meringankan beban ibu bapa membuat persiapan persekolahan masing-masing, khusus mereka yang terjejas mata pencarian akibat pandemik COVID-19.

Setiausaha JAPERUN Tanjung Bidara, Ahmad Warid Ismail berkata, program itu memberi manfaat kepada 160 pelajar dan murid daripada 14 kampung di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) itu.

"Penerima bantuan dipilih oleh Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK). Pelajar dan



murid berkenaan menerima bantuan seperti beg, kasut dan pakaian seragam.

"Kali ini kami turut bawakan perkhidmatan gunting rambut percuma, sasaran kami adalah 200 orang mendapatkan perkhidmatan itu dari jam 9 pagi hingga 12.30 tengah hari," katanya ketika ditemui di Kompleks JAPERUN Tanjung Bidara.

Program berlangsung pada 8 Mac lalu itu dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bidara Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

"Ibu bapa murid dan pelajar berkenaan bukan saja gemira malah amat berpuas hati dengan program yang dianjurkan," katanya.



**ANTARA** pelajar dan ibu bapa yang hadir menerima sumbangan barang persekolahan dalam Program Back To School di Kompleks JAPERUN DUN Tanjung Bidara.

## NO1 - KUALA LINGGI

## Sekolah daif perlu diberi perhatian

**KUALA LINGGI** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Linggi, Rosli Abdullah meminta dua buah sekolah dalam kawasan itu diberi perhatian kerana infrastruktur yang daif.

Menurutnya, sekolah terbabit adalah Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Tengah dimana terdapat pelajarnya yang masih belajar di dalam kabin.

Manakala sebuah lagi sekolah iaitu SK Ayer Molek yang mana pelajarnya tidak mendapat manfaat untuk menggunakan padang sekolah tersebut kerana mengalami kerosakan.

"Di zaman yang moden ini sepatutnya tidak perlu ada lagi pelajar yang belajar dalam keadaan daif dan di SK Ayer Molek adalah isu infrastruktur di mana padang sekolah terbabit masih lagi tidak dibaik pulih.

"Isu melibatkan dua sekolah ini dimintapihak berwajib mengambil tindakan segera kerana ia merencatkan pembelajaran murid-murid di sekolah tersebut," katanya dalam ucapan pengangguhan sempena Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka, baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Rosli turut meminta kerajaan negeri untuk membina sekolah menengah yang baharu dalam kawasan itu bagi menampung pelajar yang ramai berikutnya sehingga kini hanya terdapat dua buah sekolah menengah sahaja.

"Jumlah pelajar yang sedia adakini terlalu ramai, dan sekolah yang sedia ada tidak dapat menampung pelajar yang sedia ada, di mana hanya terdapat dua buah sekolah sahaja dalam kawasan Kuala Linggi," katanya.



**ROSLI** ketika menyempurnakan Program Go2School Jan lalu.

## NO3 - AYER LIMAU



**HAMEED** (dua dari kiri) pada majlis pelepasan anak benih udang galah.

## Tambah 'port' memancing udang galah

Salman Hamat

**AYER LIMAU** - Usaha meningkatkan lagi stok udang galah di sungai di Kampung Sungai Siput, dijangka mampu menarik lebih ramai pemancing berkunjung ke lokasi itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer berkata, hasil kerjasama dengan Jabatan Perikanan Negeri 50,000 anak benih udang galah dilepaskan ke sungai berkenaan.

"Pemburu udang galah sebelum ini lebih banyak tertumpu di sungai sekitar Paya Lebar dan Telok Berembang, jadi kami tambah satu lagi lo-

kasi sekali gus memeriahkan aktiviti memancing."

"Mengikut jangkaan selepas empat bulan anak benih udang galah ini dijangka matang. Ke pada kaki pancing selepas ini boleh cuba lokasi baharu ini," katanya.

Beliau berkata, demikian selepas Majlis Pelepasan Benih Ikan/ Udang Galah Ke Perairan Umum Pejabat Perikanan Negeri Melaka di Kampung Sungai Siput, 8 Mac lalu.

Hadir sama pada program itu Pengarah Perikanan Melaka, Mohd Fauzi Salehon, Sidang dan Jawatankuasa Pembangunan & Keselamatan Kampung (JPKK).

## NO4 - LENDU

# Menara telekomunikasi di Kem 96 DPP perlu disegerakan



Faiz Hasan

**LENDU** - Kerajaan negeri masih menunggu maklum balas Kementerian Pertahanan (MINDEF) berhubung inisiatif membina menara pencawang telekomunikasi yang akan memberi manfaat kepada penghuni di Kem 96 Depot Pangkalan Peluru (DPP) Masjid Tanah dan penduduk sekitar.

Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pihaknya berharap maklum balas berhubung kelulusan perkara itu disegearkan MINDEF.

Katanya, buat masa ini kerajaan negeri hanya menerima surat maklum balas daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) berhubung perkara itu.

"Kita sudah terima surat daripada MCMC cuma nak tunggu kelulusan MINDEF malah kita ber-niat untuk bantu dengan cepat kerana capaian internet di kawasan itu sangat teruk."

"Perkara ini juga sudah dimaklumkan kepada pegawai memerintah kem, malah kita juga sudah cakap (maklumkan) pada Setiausaha Sulit Menteri."

"Jadi, kita harap ia akan segera mendapat kelulusan daripada MINDEF kerana pembinaan menara itu tidak mengambil masa lama," katanya, baru-baru ini.

Pembinaan menara pencawang telekomunikasi menjadi antara manifesto Sulaiman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Lendu, jika Barisan Nasional (BN) berjaya menawan DUN itu pada Pilihan Raya Negeri (PRN), Nov lalu.

Katanya, masalah itu memberi kesan kepada pelajar sekolah yang terpaksa mengikuti Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) sebelum ini.



SULAIMAN ketika mengadakan lawatan ke Kem 96 Depot Pangkalan Peluru (DPP) Masjid Tanah, tahun lalu.

## NO5 - TABOH NANING

## Naik taraf longkang elak banjir

Salman Hamat

**TABOH NANING** - Sistem perparitan di dua lokasi di Simpang Empat, akan dinaik taraf selaras dengan kepesatan pembangunan dan pertambahan kediaman di sekitarnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Taboh Naning Zulkifle Mohd Zin berkata, kerja naik taraf itu membabitkan kelulusan peruntukan daripada Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) masing-masing berjumlah RM40,000 dan RM50,000.

"Kerja naik taraf ini juga sebahagian daripada usaha kami untuk mengelakkan daripada berlakunya banjir kilat. Cuaca tidak menentu menyebabkan banyak lokasi di seluruh negara dilanda bencana itu yang menyebabkan kerugian besar kepada mangsa."

"Menerusi peruntukan diluluskan kami akan bina longkang konkrit, sekali gus mewujudkan sistem perparitan yang lebih efektif," katanya selepas meninjau lokasi saliran perparitan yang akan dinaik taraf bersama Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) Simpang Empat, 8 Mac lalu.

Zulkifle berkata, aspek penyelenggaraan juga akan diberikan perhatian bagi mengelakkan longkang berkenaan daripada tersumbat akibat dihalang sampah dan tumbuhan liar.



ZULKIFLEE ketika meninjau lokasi parit yang akan dinaik taraf bersama JPKK Simpang Empat.

## NO6 - REMBIA



ZAITON (tengah) mewakili Muhammad Jailani menyampaikan sumbangan kepada Guru Besar dari enam SRA JAIM di DUN Rembia.

## Perkasa pendidikan agama Islam di Rembia

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**REMBIA** - Sebanyak enam buah Sekolah Rendah Agama (SRA) Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) di Rembia telah menerima sumbangan dana kewangaran daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis.

Enam SRA yang menerima sumbangan itu ialah SRA JAIM Sungai Petai, SRA JAIM Rembia, SRA JAIM Kelemak, SRA JAIM Jelatang, SRA JAIM Kampung Baru dan SRA JAIM Paya Datuk.

Sumbangan itu telah disampaikan Pegawai Khasnya, Zaiton Sidek bertempat di Kompleks JAPERUN Rembia, pada 9 Mac lalu.

Menurut Zaiton, sumbangan berjumlah RM1,000 itu diberikan bagi memperkasa pendidikan agama Islam dalam kalangan anak-anak di DUN Rembia.

Sumbangan itu juga ujarnya, bagi membantu melancarkan lagi urusan pentadbiran SRA di kawasan itu.

"Yang Berhormat turut menyuarakan hasrat untuk terus membantu keenam-

enam SRA di kawasan ini yang telah melahirkan ramai pelajar cemerlang dalam Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK)," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Untuk rekod, pada tahun lalu, seramai 234 murid SRA JAIM di DUN Rembia mendapat keputusan cemerlang 8A dalam UPKK.

SRA JAIM Jelatang merekodkan bilangan murid tertinggi mendapat 8A UPKK iaitu seramai 95 orang, diikuti 47 orang dari SRA JAIM Sungai Petai dan 29 SRA JAIM Kelemak.

NO8 - MACHAP JAYA

# Kuil lebih 100 tahun 'disucikan'



HEE Sem (tengah) ketika hadir menyaksikan upacara Kumbabishekam di Kuil Tebolang Estate, Tebong.

FOKUS DUN

Farah Suhaidah Othman

**MACHAP JAYA** - Dalam meraikan kepelbagaian masyarakat berbilang bangsa dan agama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap Jaya, Ngwe Hee Sem sempat meluangkan masa menyaksikan sambutan upacara Kumbabishekam di Kuil Tebolang Estate, Tebong, di sini.

Kumbabishekam adalah upacara yang diadakan setiap 12 tahun sekali di setiap kuil bagi penyucian dan pembaharuan rumah ibadah masyarakat Hindu itu.

Antara pembaharuan dilakukan termasuk kubah kuil diperbaiki atau dicat semula sebelum air suci dituangkan pada hari upacara berkenaan.

Upacara itu juga dipercayai seseorang boleh mendapat rahmat Tuhan melalui kubah (Kalasam) tanpa perlu memasuki kuil.

Menerusi catatan Facebook Hee Sam, kuil Tebolang Estate sudah berusia lebih 100 tahun dan menjalani upacara penyucian pada setiap 12 tahun sekali.

"Saya difahamkan kuil berkenaan akan menyambut upacara 'Kumbabishekam' setiap 12 tahun.

"Kuil ini juga berusia lebih 100 tahun. Tahniah diucapkan kepada pengurus dan ahli jawatankuasa (AJK) yang bertungkus-lumuster hadap penyucian itu," tulisnya.

NO7 - GADEK



SHANMUGAM ketika meninjau sebatang sungai yang kerap melimpah dan menyebabkan banjir di kawasan perumahan di Gadek.

## RM200,000 bina ban di Gadek

Fiqah Jamal

**GADEK** - Peruntukan sebanyak RM200,000 telah diluluskan bagi pembinaan ban dan benteng untuk mengatasi masalah banjir di beberapa kawasan di Gadek.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, VP Shanmugam berkata, pembinaan ban itu penting bagi mengelakkan air sungai melimpah ke kawasan kediaman seperti yang pernah berlaku sebelum ini.

Bagaimanapun, katanya, usaha untuk menyelesaikan masalah itu berdepan kekangan dalam aspek pengambilan tanah apabila pemilik tanah di tiga lot yang dikecil pasti untuk pembinaan ban itu gagal dihubungi sehingga kini.

"Peruntukan memang ada dan kerja-kerja boleh dijalankan cuma kita berdepan masalah kerana pemilik tanah tidak dapat dihubungi."

"Meskipun begitu, saya gembira kerana penduduk dan masyarakat tempatan

di kawasan itu sudi membantu dan mengambil tanggungjawab untuk bersama-sama mencari pemilik tanah bagi membolehkan kerja itu dijalankan segera," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Shanmugam berkata, masalah banjir merupakan antara fokus utamanya sebaik mengangkat sumbah sebagai wakil rakyat.

Ia memandangkan Gadek menjadi lokasi utama banjir di negeri ini khususnya setiap kali tiba musim hujan.

"Kita gembira kerana kerajaan turut meluluskan peruntukan RM30 juta untuk mengatasi masalah banjir berulang di Gadek."

"Meskipun begitu, pada masa sama, saya bersama agensi kerajaan seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan terus melipatgandakan usaha pembersihan longkang, saliran dan sungai di kawasan ini bagi mengelakkan aliran air tersebut sekali gus menyebabkan kawasan perumahan dan kampung dinaiki air," ujarnya.

NO9 - DURIAN TUNGGAL

## Perbanyakkan pusat perniagaan, bantu ekonomi penduduk

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**DURIAN TUNGGAL** - Aspek pembangunan ekonomi penduduk Durian Tunggal menjadi satu daripada empat perkara yang dibangkitkan pada Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15, awal bulan ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Durian Tunggal Zahari Abd Kalil dalam ucapannya berkata, pembangunan ekonomi di kawasan itu sangat penting memandangkan majoriti rakyat di kawasan itu berada dalam kategori pertengahan.

Katanya, dengan kepesatan pembangunan dan projek perumahan yang rancak berlaku di kawasan itu pada masa kini, sebuah pusat perniagaan setempat perlu diwujudkan.

"Saya mencadangkan kerajaan negeri

melalui agensi berkaitan membangunkan pusat perniagaan baharu di beberapa lokasi di DUN Durian Tunggal.

"Ia penting bagi membantu pengembangan ekonomi khususnya membabitkan sektor perniagaan dan pelancongan," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut menyuarakan agar sekolah rendah dan menengah baharu dapat dibina di kawasan itu berikutkan pertambahan penduduk hasil projek perumahan baharu yang dibangunkan di kawasan itu.

Katanya, buat masa ini hanya terdapat sebuah sekolah menengah dan empat sekolah rendah sahaja dalam DUN Durian Tunggal.

"Jadi, saya harap dengan kedapatan penduduk ini, kerajaan dapat membina sekurang-kurangnya sebuah sekolah menengah dan sebuah lagi sekolah rendah di Durian Tunggal," ujarnya.



ZAHARI (kiri) ketika melawat tapak Program Jualan Keluarga Malaysia di Durian Tunggal.

# Percepat projek atasi hakisan pantai

**N12 - PANTAI KUNDOR**

TUMINAH (dua dari kiri) ketika meninjau keadaan hakisan di Pantai Puteri.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**PANTAI KUNDOR** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi meminta agar kerja-kerja menangani hakisan pantai dapat dipercepatkan.

Katanya, ia bagi melindungi pokok-pokok serta jati nelayan yang ada di sepanjang pantai tersebut.

"Saya difahamkan peruntukan bagi projek atasi hakisan sudah diluluskan, jadi kita minta agar ia dipercepatkan."

"Sehingga kini keadaan hakisan sudah terlalu teruk, saya bimbang jika projek itu mengambil masa terlalu lama ia akan memberi kesan kepada imej pantai ini terutama bila tiba musim monsun akan datang," katanya.

Menurut Tuminah atau mesra dipanggil Kak Ina, masalah hakisan yang berlaku di Pantai Kundor adalah sepanjang 1.2 kilometer membabitkan kawasan Kampung Pengkalan Perigi sehingga ke Pantai Rombang.

"Saya harap Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta agensi berkaitan dapat melakukan kaedah tambakan pasir di kawasan terjejas."

"Ini kerana kalau boleh pantai ini saya nak indahkan semula se lain melakukan kerja-kerja pemuliharaan pantai," ujarnya.

**FOKUS DUN**

**N13 - PAYA RUMPUT**

## Bangunkan kemudahan untuk pelajar SMK Paya Rumput

**PAYA RUMPUT** - Kemudahan dan keselesaan pelajar sekolah menjadi antara perkara yang diambil berat oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Rumput, Datuk Rais Yasin.

Baru-baru ini, beliau berkesempatan melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Paya Rumput bagi mendapatkan maklum balas segala permasalahan yang berlaku di sekolah berkenaan.

"Saya juga dapat melawat kawasan sekolah yang bakal dibangunkan kemudahan untuk keselesaan para pelajar."

"Semoga usaha-usaha yang dilakukan ini dapat memberi manfaat kepada warga SMK Paya Rumput," katanya.

Dalam lawatan itu, beliau yang juga EXCO Pendidikan negeri turut mengambil kesempatan menyantuni calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di sekolah berkenaan.

Kehadiran beliau diiringi Timbalan Pengarah (Pembangunan Murid) Jabatan Pendidikan Negeri Melaka Jamsari Mariman dan disambut Pengetua SMK Paya Rumput Sahreah Md Zain serta kaki tangan sekolah.



RAIS (tengah) ketika melawat dan menyantuni calon SPM di SMK Paya Rumput.



FAIRUL Nizam melihat struktur rumah yang hangus terbakar dalam kejadian 6 Mac lalu.

## Prihatin nasib mangsa kebakaran

**ASAHDAN** - Mangsa kebakaran di Kampung Bukit Senggeh, di sini menerima kunjungan ziarah daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Asahan Fairul Nizam Roslan, baru-baru ini.

Fairul Nizam berkata, keadaan rumah yang terbakar 90 peratus itu sungguh menghibakan apabila lagi rumah itu didiami pasangan warga emas.

Namun, beliau tetap menzahirkan penghargaan kepada pelbagai agensi yang tampil menghulurkan sumbangan kepada pasangan warga berkenaan.

"Menziarahi Pakcik Ali di Kampung Bukit Senggeh yang rumahnya terbakar 6 Mac lalu. Hiba rasa hati.. berat mata memandang berat lagi bahu memikul."

"Terima kasih di atas sumbangan dan keprihatinan daripada Pejabat Ketua Menteri, Pejabat

Daerah, Majlis Perbandaran Jasin (MPJ), Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Jabatan Kebajikan (JKM), Tenaga Nasional Berhad (TNB).

"Tidak lupa juga kepada Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan semua yang hadir menyalurkan sumbangan kepada Pakcik Ali sekeluarga," katanya.

Melaka Hari Ini sebelum ini melaporkan rumah didiami pasangan warga emas hangus terbakar dalam kebakaran yang berlaku pada 6 Mac.

Kejadian itu disedari menantu warga emas terabit yang menjerit dan berjaya menyelamatkan pasangan yang sedang tidur pada ketika itu.

Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka berkata, punca kebakaran masih dalam siasatan.

## N18 - AYER MOLEK

# RM3,000 sehari demi kebajikan rakyat Ayer Molek



Siti Salehah

**AYER MOLEK** - Dewan Undangan Negeri (DUN) Ayer Molek menerima sebanyak 200 kit makanan yang disumbangkan Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk diagharkan kepada penduduk yang memerlukan, baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek Datuk Rahmad Mariman berkata, sumbangan itu disumbangkan TNB menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"Saya berterima kasih kepada pihak TNB yang tampil membantu dengan menyumbang 200 kit makanan yang dianggarkan bernilai kira-kira RM 10,000.

"Mereka melihat serta mengambil berat isu rakyat dan tampil membantu menerusi program CSR ini yang mana kit ini akan diagharkan kepada penduduk yang memerlukan," katanya.

Menurut Rahmad, pemberian kit ma-



kanan ini sudah dilaksanakan sejak dua tahun lalu apabila pandemik COVID-19 melanda.

"Kit ini selain diberikan kepada orang susah, kita juga turut menyumbang kepada mereka yang menjalani kuarantin akibat COVID-19."

"Sejak kebelakangan ini, dalam tempoh dua hingga tiga bulan berlaku peningkatan permintaan apabila kita mengeluarkan antara 40 hingga 50 kit setiap hari berbanding sebelumnya," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, akibat daripada jumlah yang tinggi itu, pihaknya membelanjakan hampir RM3,000 setiap hari bagi membantu dan meringankan beban penduduk.

"Jadi sedikit sebanyak ini beban jujalah kepada kita tetapi dengan adanya pihak yang tampil membantu ia secara tidak langsung membantu kita untuk sama-sama menjaga kebajikan penduduk," katanya.

## N15 - PENGKALAN BATU

## Kelas fardu ain wanita imarah masjid tertua

**PENGKALAN BATU** - Pengajuran kelas fardu ain dalam kalangan wanita dilihat memberi impak positif dalam menambah ilmu serta pengetahuan dalam hal agama.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalauan Batu Datuk Kalsom Nordin berkata, pengajuran kelas fardu ain yang diadakan setiap petang Sabtu di Masjid An-Nur Peringgit, adalah salah satu usaha mengimarahkan masjid.

"Program ini sebenarnya sudah lama diadakan dan ia satu program yang bagus selain masih lagi diteruskan sehingga kini dengan bimbingan Ustazah Syarifah Rogayah.

"Walaupun diadakan di Masjid An-Nur namun ada juga kariah daripada kakawasan lain yang datang seperti dari Merlimau yang turut serta," katanya.

Beliau yang juga EXCO Hal Ehwal Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri berkata, bagi mengimarahkan lagi masjid yang antara tertua di Melaka itu pada bulan Ramadan nanti, satu program hafazan dan khatam al-Quran turut akan diadakan.

"Program ini terbuka kepada semua dan diharapkan selain mereka yang berrusia, orang mudah juga turut digalakkan untuk sama-sama hadir," katanya.



## N14 - KLEBANG

## Beri tumpuan pendidikan awal kanak-kanak pasca COVID-19



BAN Hong (dua dari kiri) menyampaikan anugerah kepada murid Tabika Kemas DUN Klebang dalam majlis apresiasi yang diadakan baru-baru ini.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**KLEBANG** - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klebang Datuk Lim Ban Hong mahu aspek pendidikan awal kanak-kanak diberi perhatian sewajarnya.

Beliau berkata, perkara itu perlu diberi perhatian memandangkan aspek pendidikan antara yang terjejas teruk sejak pandemik COVID-19 melanda.

"Pendidikan awal memainkan peranan penting dalam membuka mindaserta mewujudkan asas pembelajaran yang kukuh untuk anak-anak kita.

"Terimakasih kepada guru-guru yang men-

curahkan masa, tenaga serta kasih sayang dalam mendidik anak kita terutamanya apabila kita menghadapi cabaran pandemik COVID-19.

"Begini juga dengan ibubapa yang sama-sama memikul tanggungjawab untuk menjayakan pendidikan anak-anak kita," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan Hari Apresiasi Tabika Kemas DUN Klebang, baru-baru ini.

Dalam majlis itu juga, Ban Hong turut menganjurkan ibu bapa agar memainkan peranan dalam membendung COVID-19 dengan membawa anak-anak menerima vaksin menerusi Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids).

## N21 - DUYONG



**MOHD Noor Helmy mendengar masalah banjir yang dikemukakan oleh salah seorang penduduk sewaktu meninjau penempatan penduduk DUN Duyong yang terkesan dalam kejadian banjir tahun lalu.**

## Masalah banjir Duyong hampir temui penyudah

Norizan Abdul Muhib

**DUYONG** - Masalah banjir yang sering melanda beberapa kawasan dalam Dewan Undangan Negeri (DUN) Duyong dijangka dapat diatasi sepenuhnya setelah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Duyong siap sepenuhnya nanti.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Duyong, Mohd Noor Helmy Abdul Halem berkata, sementara menunggu projek siap, beberapa usaha termasuk menaik taraf dan membaiki sistem saliran di kawasan yang kerap dinaiki banjir giat dijalankan dengan penglibatan agensi kerajaan berkaitan.

Kesan daripada usaha itu, menurutnya, insiden penempatan penduduk dinaiki air semakin berkurangan biarpun hujan lebat berlaku berlarutan.

"Sebelum ini jika hujan lebat satu hingga dua jam, banjir mesti berlaku di penempatan penduduk yang biasa dinaiki air."

"Namun, kini insiden tersebut semakin berkurangan, sekarang kalau hujan lebat kita tidak lagi bimbang namun secara keseluruhan kita memerlukan pelaksanaan projek Tebatan Banjir dalam DUN Duyong," katanya.

RTB Sungai Duyong berjumlah RM 163 juta antara tujuh projek besar yang dirangka kerajaan Persekutuan dalam mengatasi masalah banjir di negeri ini.

Ia termasuk menaik taraf kolam tebatan banjir di Krubong berjumlah RM 600 juta, RTB Alor Gajah Fasa 1 (RM 30 juta), RTB Jasin (RM 60 juta) dan RTB Sungai Melaka Fasa 1 sebanyak RM 40 juta.

Menurut Mohd Noor Helmy, isu banjir merupakan fokus utama pihaknya dalam memberikan khidmat terbaik kepada penduduk DUN Duyong dan berharap pelaksanaan projek RTB di kawasan itu akan dipercepatkan pada masa terdekat ini.

FOKUS  
DUN



## N25 - RIM

## Rim Rangers bantu mangsa banjir

Liana Sahabudin

**RIM** - Susulan banjir yang berlaku di beberapa kawasan, baru-baru ini, Rim Rangers iaitu skuad sukarelawan telah digerakkan bagi membantu mangsa banjir khususnya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rim.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, tanggungjawab dilaksanakan Rim Rangers termasuklah membantu membersihkan rumah mangsa banjir yang terkesan selain membuat rondaan secara berkala.

"Beberapa rumah di Kampung Kumpai telah dimasuki air. Saya su-

dah meminta jasa baik pihak polis, bomba dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) untuk terus melakukan rondaan bagi menilai keadaan sama ada perlu dilakukan proses pemindahan atau tidak.

"Kami JAPERUN Rim giat melakukan rondaan untuk membantu rakan Rim yang terkesan, Rim Rangers yang diketuai Nasaruddin Ibni Rahmat dan rakan rakan pemuda Cenderah sudah memulakan kerja pembersihan di beberapa rumah," katanya dalam satu hantaran di Facebook rasminya, baru-baru ini.

Musibah banjir yang berlaku di kawasan Rim melibatkan tiga keluar-

ga yang telah ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Madrasah Simpang Bekoh.

Dalam pada itu, beliau yang bersama dengan panggilan Dira turut turun padang ke kawasan sungai yang menyebabkan banjir kilat di Kampung Rim dan Simpang Bekoh bagi menjalankan siasatan.

"Insya-Allah, dalam masa terdekat saya akan memanggil beberapa Pihak Berkua Tempatan (PBT) untuk mencari jalan penyelesaian mengenai isu banjir ini."

"Laporan daripada penduduk setempat juga akan saya ambil kira," katanya.



**DIRA turun padang melihat kawasan sungai yang menyebabkan banjir kilat di Kampung Rim dan Simpang Bekoh.**



**ABDUL Razak menyampaikan sumbangan RM200 daripada kerajaan negeri kepada mangsa banjir di DUN Telok Mas.**

## N23 - TELOK MAS

## 79 mangsa banjir terima sumbangan RM200

Farah Suhaidah Othman

**TELOK MAS** - Seramai 79 penduduk setempat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas menerima bantuan banjir berjumlah RM200 daripada kerajaan negeri.

Setiausaha JAPERUN Teluk Mas, Faris Mohd Said berkata, sebelum ini penerima bantuan menerima peruntukan daripada kerajaan Persekutuan berjumlah RM1,000.

Katanya, bagi mangsa banjir yang terkesan baru-baru ini, kerajaan negeri menyalurkan bantuan banjir berjumlah RM200 kepada setiap keluarga yang terkesan musibah itu.

"Semua mangsa banjir melibatkan kawasan Taman Alai Perdana, Padang Temu dan Ujong Pasir," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Bantuan itu disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Mas, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman di JAPERUN kawasan itu 7 Mac lalu.

## N27 - MERLIMAU



MUHAMAD Akmal menunjukkan dataran yang akan menjadi 'port' santai buka puasa baharu pada Ramadan ini.

## N28 - SUNGAI RAMBAI

## Bantu permudah urusan mangsa banjir

**SUNGAI RAMBAI** - Seramai 40 mangsa banjir di Kampung Parit Penghulu Benteng, Kampung Tersusun dan Kampung Lancang, di sini terjejas dengan kejadian banjir yang berlaku, 7 Mac lalu.

Ia membabitkan seramai 11 keluarga dari tiga kampung berkenaan yang terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Parit Penghulu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sun-

gai Rambai, Siti Faizah Abd Aziz turut prihatin dengan nasib menimpapenduduk kampung berkenaan.

Beliau mengambil kesempatan melawat PPS SK Parit Penghulu pada setiap hari bagi memastikan keperluan mangsa banjir mencukupi sepanjang berada di situ.

Beliau turut mendoakan kesemuanya mangsa dipermudahkan segala urusan dalam menghadapi musibah kali kedua tahun ini.



SITI Faizah melawat PPS SK Parit Penghulu bagi memastikan segala keperluan mangsa banjir mencukupi.

## 'Port' buka puasa di Dataran Merlimau

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**MERLIMAU** - Padang di Dataran Merlimau, bersebelahan KFC akan dicadangkan untuk menjadi lokasi santai berbuka puasa untuk orang ramai menjelang bulan Ramadan yang akan tiba tidak lama lagi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Merlimau Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, pihaknya sudah memohon kepada Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) untuk pemasangan lampu di kawasan terbabit.

Katanya, selain berbuka puasa, pelbagai pengisian program juga akan diajak di kawasan itu.

"Antara perancangan saya ketika bulan puasa adalah untuk menggunakan dataran ini supaya orang ramai boleh berbuka puasa secara santai bersama keluarga."

"Sambil tunggu waktu berbuka akan ada tazkirah ringkas untuk pengisian rohani dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, beliau turut meminta cadangan idea daripada orang ramai untuk memberi nama dataran berkenaan.

"Boleh komen di laman Facebook saya dan mana-mana cadangan yang dipilih akan mendapat hadiah istimewa daripada saya," katanya lagi.

## N26 - SERKAM



MASJID Jamek Ar-Rahman Kampung Pulai yang bercahaya pada waktu malam.

## Masjid DUN Serkam bercahaya

Mohamad Fazrul Abdul Majid

**SERKAM** - Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulai, di sini menggunakan pendekatan memasang papan tanda unik untuk menarik kehadiran jemaah datang ke masjid.

Papan tanda bertulis 'I Love Masjid' itu dihiasi dengan tulisan berwarna-warni, selain turut bercahaya pada waktu malam.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serkam Datuk Zaidi Attan turut berkongsi keindahan dan inisiatif berkenaan dengan kapsyen "Mas-

jid DUN Serkam".

Menerusi ruangan komen, rata-rata jemaah memuji pendekatan yang digunakan Masjid Jamek Ar-Rahman Kampung Pulai yang melakukan pelbagai usaha untuk mengimarahkan masjid berkenaan.

Malah, turut difahamkan pengrusaan masjid juga tidak putus-putus menganjurkan pelbagai program ilmu pada setiap hari.

Antara program ilmu yang diajak iialah seperti kuliah Subuh dan Maghrib, Kelas al-Quran dewasa, wanita dan kanak-kanak serta ceramah.



# MIMBAR MAIM

“Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukannya (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwalah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma’idah, ayat 2).

## MAIM agih kit makanan

Erwin Abu Hasan  
erwin@maim.gov.my

**MELAKA TENGAH** - Bilik Gerakan Musa’adah COVID-19 Agensi Agama Islam Melaka kekal meneruskan khidmat bakti mengagihkan sumbangan kit makanan kepada mereka yang memerlukan.

Sebanyak lebih daripada 3000 kit makanan telah disediakan pihak MAIM melalui bilik gerakan berkenaan berupa kit makanan dan beras untuk diagihkan kepada mereka yang terkesan.

Sumbangan berkenaan diagih melalui Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasannya Dun

(JAPERUN) bagi memastikan setiap kit makanan berkenaan dapat disampaikan kepada mereka yang benar-benar terjejas.

Sumbangan ini merupakan sumbangan fasa 2.0 yang telah dilaksanakan dan pastinya mampu memberi keringanan kepada mereka yang memerlukan khususnya mangsa COVID-19 yang sedang dikuarantin.

Bantuan kit ini juga berupa makanan asasi antaranya tepung, gula, biskut dan juga roti serta beberapa makanan ringan yang berkhasiat.

Pengagihan kit makanan melalui pihak JAPERUN juga memberi ruang kepada mereka mengenal



pasti penduduk yang terkesan di dalam kawasan mereka dan memastikan bantuan berkenaan dapat diagih dengan sebaiknya.

Pengagihan ini juga akan diteruskan dari semasa ke semasa bagi memastikan masyarakat yang terjejas khususnya melibatkan kuarantin COVID-19 dapat dibantu.

MAIM juga bersama bilik gera-

kan ini sentiasa peka dan memastikan masyarakat luar turut menjadi mata dan telinga bagi menyalurkan maklumat terkini mereka yang memerlukan pada ketika negara masih dilanda pandemik COVID-19.

Bilik Gerakan Musa’adah Agensi Agama Islam Melaka ini turut memainkan peranan besar mengagihkan kit perubatan dan

kesihatan kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) di MITC Ayer Keroh.

Antara keperluan kit itu adalah pelitup separuh muka, cecair santi-sasti tangan dan juga beberapa vitamin kesihatan serta barang tambahan lain seperti selimut dan juga sejadan.



### LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

**Melaka Tengah** | 06-283 7416 / 06-284 9809  
06-288 1881 / 06-288 1882

**Jasin** | 06-529 8415  
06-529 8417

**Alor Gajah** | 06-384 2699

**Merlimau** | 06-263 9505

**Website** | [www.maim.gov.my](http://www.maim.gov.my)

**Email** | [admin@maim.gov.my](mailto:admin@maim.gov.my)

**Youtube** | [majlis agama islam melaka](#)    **Facebook** | [facebook/maimmelaka](#)

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”



**Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni**



JABATAN Mufti Negeri Melaka (JMNM) telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Taqwim dan Waktu Solat bagi makluman bersama umat Islam di negeri ini. Seramai 20 orang peserta terlibat bengkel berkenaan yang memberi tumpuan berkaitan proses penyusunan taqwim hijrah selaras dengan kriteria baharu yang telah diperkenalkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil turut meluangkan masa hadir mendengar pencerahan berkaitan ilmu falak serta merasmikan bengkel berkenaan.



## Lensa Ziarah Asnaf Bersama Badan Sukarelawan Al-taqwa (BSAT) MAIM



PENYAMPAIAN wakalah zakat mesin oksigen dan katil boleh laras kepada asnaf di sekitar DUN Telok Mas, Kuala Linggi Dan Sungai. Ketua Seksyen Pembangunan Insan MAIM, Arina Safurra Alim hadir menyantuni dan menyampaikan sumbangan. Turut diserahkan lampin pakai buang dan tilan kesihatan kepada asnaf.

# Syukur atas bantuan yang dihulurkan



Datuk Hj. Ibrahim

Bin Fadzil

Ketua Pegawai  
Eksekutif Zakat Melaka,  
Majlis Agama  
Islam Melaka.

**IBADAH** zakat ini amat penting bagi setiap individu Muslim yang tahu tentang kewajipan berzakat. Harta yang dikeluarkan sebagai zakat akan menjadi berkat dan bersih serta menjadi tabungan saham akhirat nanti.

Adalah menjadi tanggungjawab individu untuk menyucikan sumber rezeki yang diberikan oleh Allah SWT supaya hati dan jiwa akan sentiasa bersih, selain hati dan jiwanya bersih, kekayaannya juga akan bertambah. Yakin dan percayalah setiap amal kebaikan ibadah yang dilakukan akan mendapat rahmat dan ganjaran pahala berlipatganda oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah At-Taubah ayat 103:

Yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Banyak panduan al-Quran dan hadis Nabi SAW menyebut tentang gandingan ibadah solat dan zakat. Selaras dengan itu, maka wujudnya institusi zakat di seluruh negeri-negeri di Malaysia sebagai amil zakat yang dilantik. Sepertimana sedia maklum, Zakat Melaka ditubuhkan sebagai memungut hasil zakat dari umat Islam yang cukup syarat-syaratnya.

Manakala Majlis Agama Islam Melaka (MAIM), Bahagian Agihan Zakat diamanahkan untuk mengagihkan bantuan zakat kepada golongan yang memerlukan.

Sesungguhnya, usaha ini tidak akan mencapai kejayaan tanpa sokongan pembayar-pembayar zakat yang telah mengeluarkan harta mereka untuk diserahkan kepada asnaf-asnaf zakat yang layak semata-mata mendapat keredaan Allah SWT.

Berdasarkan data agihan zakat sehingga November 2021, MAIM telah mengagihkan bantuan zakat berjumlah RM79.81 juta melalui pelbagai jenis skim bantuan dan mengadakan program pembangunan kepada golongan asnaf. Antaranya melalui bantuan seperti kewangan, makanan bulanan, bantuan sakit kronik dan terlantar, bantuan hari raya, bantuan makanan kecemasan, bantuan am, rawatan hemodialisis, bantuan saraan anak sekolah, saraan anak IPT, bantuan sewa kediaman dan banyak lagi.

Melalui bantuan zakat sebegini, seramai 8,151 orang asnaf fakir dan miskin di Negeri Melaka telah mendapat manfaat yang cukup besar untuk meneruskan kehidupan mereka.

"Zakat yang dibayarkan dan diterima oleh asnaf di Negeri Melaka ini dapat memberi manfaat cukup besar bagi mereka yang kurang berkemampuan seterusnya bersyukur atas bantuan zakat yang dihulurkan bagaimanapun sebenarnya mereka dalam kehidupan sehari-hari. ,"

Bahkan, anak-anak mereka turut berpeluang untuk mendapat pendidikan yang sempurna sebagaimana anak-anak orang lain iaitu melalui bantuan yuran sekolah, saraan pendidikan dan keperluan pendidikan.

Selain daripada itu, asnaf mualaf seramai 179 orang telah mendapat manfaat zakat berjumlah RM4.50 juta melalui program seperti kursus, latihan pemantapan akidah, bantuan hari raya, saguhati memeluk Islam, bantuan am dan pelbagai lagi program yang dapat mendidik dan membantu mengukuhkan akidah, kefahaman dan pembangunan diri.

Di samping itu, asnaf fizabilillah juga telah mendapat manfaat zakat melalui aktiviti-aktiviti dakwah, keagamaan, program sumbangan IPT, skim bantuan tuisyen bagi sekolah agama, eluan tafhib, sumbangan guru takmir, sumbangan pembaikan kecil masjid / surau dan sebagainya yang berjumlah RM21.91 juta telah diagihkan kepada asnaf fizabilillah bagi mewujudkan jalinan ukhuwah dan silahturrahim sesama masyarakat Islam.

Pengagihan bantuan zakat kepada para asnaf yang layak berdasarkan kriteria-kriteria had kifayah pendapatan isi rumah dan telah didaftar oleh pihak MAIM sebagai asnaf fakir dan miskin di Negeri Melaka. Kebanyakan asnaf yang menerima bantuan zakat ini menyatakan terima kasih kepada pembayar-pembayar zakat. Ini kerana zakat yang di-

bayar dan diterima oleh asnaf di Negeri Melaka ini dapat memberi manfaat cukup besar bagi mereka yang kurang berkemampuan seterusnya bersyukur atas bantuan zakat yang dihulurkan bagi meringankan beban mereka dalam kehidupan sehari-hari.

Pada akhir Disember 2021 telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Zakat Perniagaan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta yang turut serta bagi melaksanakan pembayaran Zakat Perniagaan di Zakat Melaka (ZM) dengan mewakilkan setiap syarikat mereka untuk memenuhi tuntutan syarak serta membantu mereka yang memerlukan.

Antaranya Lembaga Tabung Haji, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Fazil Group, Tenaga Nasional Berhad, Selia Selanggara Selatan Sdn. Bhd. dan 16 lagi agensi yang bersama-sama dalam majlis penyerahan tersebut.

Semoga mereka yang menyumbang dan menunaikan zakat ini tidak kira lahir individu maupun agensi-agensi kerajaan dan swasta akan mendapat ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah SWT serta mendapat keberkatan dari-Nya. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari [www.izakat.com](http://www.izakat.com) atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :  
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Melimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Utc Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat: 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat - (011-58583900) Laman Web : [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



Hanya 2.5%

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi!"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: [www.izakat.com](http://www.izakat.com)



**SAHAM  
WAKAF  
PEMBINAAN  
MASJID  
PULAU BESAR  
MELAKA**

Swipe ↗

**@maimmelaka**  
**#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat**

A promotional image for the 4th Islamic Center of Melaka. The top half shows a large, modern mosque building with a distinctive green and white patterned dome and minaret. The bottom half features a large blue background with the text "4 KADEAH BERWAKAF" in yellow and white. At the top right are logos for Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka, OJK, and the Federal Territories Government. A yellow banner at the bottom contains social media icons and the handle "@maimmelaka".



M'Corp  
Hotel Sdn. Bhd.  
132263K



# Ucapan Perasmian Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam sempena Pembukaan Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15

**ALHAMDULILLAH**, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita semua dapat bersama-sama pada hari ini dalam perasmian bagi mesyuarat Pembukaan Persidangan Kedua Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-15.

Sebelum mengorak kata lebih jauh, izinkan saya mengambil peluang merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Haji Sulaiman Md. Ali kerana telah berjaya memenangi undi majoriti dua pertiga kerusi dalam Pilihan Raya Negeri yang lalu, sekali gus berjaya membentuk barisan Kerajaan Negeri Melaka yang baharu.

Sesungguhnya saya yakin dan percaya bahwa di bawah pimpinan Ketua Menteri dan semua barisan Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri serta seluruh jentera pentadbiran kerajaan, Negeri Melaka akan ditadbir dengan penuh cemerlang selaras dengan mandat yang telah diberikan oleh rakyat. Besarlah harapan saya agar wakil-wakil rakyat yang telah diberi kepercayaan ini melaksanakan tanggungjawab dan memberikan komitmen yang terbaik bagi memastikan perkhidmatan kerajaan negeri dapat berfungsi sebaiknya terutama dalam membantu menyelesaikan beban masalah yang dihadapi oleh rakyat Negeri Melaka pada masa ini.

## Ahli-ahli Yang Berhormat,

## KESTABILAN POLITIK

Bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat. Seperti mana indahnya kata bidalan tersebut, begitulah juga kestabilan politik yang teguh di negeri kita bakal membawa kemauan dan kemakmuran kepada seluruh rakyat Melaka yang saya kasih.

Saya difahamkan melalui manifesto pentadbiran kerajaan negeri dengan tema Kestabilan Demi Kemakmuran telah menggariskan 1 matlamat, 5 teras dan 103 inisiatif diikrarkan untuk dilaksanakan bagi memahat kecermerlangan masa depan rakyat dan kegemilangan negeri Melaka untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Janji yang telah termeterai di antara barisan kepimpinan kerajaan dan rakyat adalah keseluruhan inisiatif tersebut perlu dicapai dalam tempoh 100 hari, setahun, tiga tahun dan lima tahun.

Oleh itu, suka-saya menasihati Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka dan seluruh barisan kepimpinan kerajaan yang baharu untuk mengambil inisiatif sewajarnya bagi merealisasikan janji-janji tersebut. Ini adalah amanah yang perlu digalas. Perlu bekerja lebih kuat untuk memahami denyut nadi rakyat dan membantu keperluan rakyat. Semoga banyak manfaat yang bakal diperoleh oleh rakyat negeri Melaka yang telah memberikan sepenuh kepercayaan kepada barisan kepimpinan ini.

Kestabilan politik kekal menjadi faktor yang penting dalam pembangunan negeri, tiada pelabur asing akan berminat untuk melabur di negeri Melaka sekiranya situasi politiknya tidak stabil. Justeru, saya juga amat berharap agar wakil-wakil rakyat yang telah dilantik dapat melaksanakan tanggungjawab dan amanah yang telah diberikan oleh rakyat dengan merangka dasar-dasar pembangunan negeri yang mampu menarik lebih banyak pelaburan

ke negeri ini demi pembangunan ekonomi dan kesejahteraan rakyat negeri Melaka.

## MENGELANG WABAK COVID-19 DI NEGERI MELAKA

Peningkatan semula kes COVID-19 telah berlaku pada masa ini di Malaysia termasuk negeri Melaka. Penularan varian Omicron telah menyebabkan lonjakan jangkitan tersebut. Pada 24 Februari 2022, bilangan jangkitan kes baru COVID-19 di negara kita adalah sebanyak 32,070 kes, iaitu rekod yang paling tinggi pernah dicatatkan sejak penularan kes COVID-19 di Malaysia pada tahun 2020.

Pada tarikh yang sama, negeri Melaka mencatat sebanyak 888 kes baru menjadikan keseluruhan kes adalah sebanyak 94,721 kes. Walaupun bilangan kes adalah tinggi, namun dengan program vaksinasi bermula di kalangan warga dewasa sehingga kanak-kanak, kes COVID-19 yang serius telah menurun di mana majoritinya adalah kategori 1 dan 2.

Program vaksinasi juga menunjukkan komitmen yang tinggi di kalangan rakyat Melaka di mana penduduk dewasa yang lengkap 2 dos vaksin adalah sebanyak 92.9 peratus daripada populasi dewasa. Vaksinasi remaja yang lengkap 2 dos vaksin pula sebanyak 94.6 peratus. Sementara itu, sebanyak 31.74 peratus daripada 98,200 orang kanak-kanak telah menerima vaksin masing-masing.

Bak kata pepatah "kesihatan adalah kekayaan dan mencegah lebih baik daripada mengubati". Sepertimana yang sering dimaklumkan bahawa tindakan yang paling penting untuk mengatasi penularan COVID-19 adalah melalui pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan. Rakyat perlu bersama-sama untuk menghadapi ca-baran Omicron COVID-19 dengan mematuhi semua langkah-langkah kesihatan awam dan sosial termasuk sop kerana pada masa ini semua negara di rantau ini menunjukkan trend peningkatan kes COVID-19.

Oleh itu, suka untuk saya mengingatkan kepada diri saya sendiri, barisan kerajaan serta seluruh rakyat Melaka khasnya agar sentiasa mematuhi sop yang telah ditetapkan dalam usaha untuk mengelang penularan wabak COVID-19. Inisiatif perlu dilaksanakan bagi membendung penularan COVID-19 khususnya di tempat kerja yang menunjukkan peratusan yang tinggi selepas kluster pendidikan. Kita perlu bersedia untuk hidup bersama COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu bagi membolehkan kita membangunkan semula ekonomi rakyat di negeri ini.

Marilah sama-sama kita menadah tangan ke hadrat ilahi agar wabak COVID-19 ini segera diangkat dan kita boleh meneruskan kehidupan seperti semula.

## MENYANTUNI ISU RAKYAT

Tanggal 19 Disember 2021 mencatat satu episod duka di bumi Malaysia termasuk negeri Melaka. Saya yakin kita semua turut berduka dan merasa tidak percaya dengan kejadian banjir yang telah melanda di Selangor dan Lembah Klang. Negeri Melaka turut terkesan akibat hujan yang berpanjangan hingga menyebabkan banjir di beberapa kawasan di negeri ini. Dengan perubahan iklim yang sentiasa berlaku di seluruh dunia, bukan sahaja kejadian banjir, malah turut berlaku kejadian ri-

but dan sebagainya, semua agensi-agensi di negeri Melaka ini perlu sentiasa berada dalam kesiapsiagaan yang tinggi untuk menghadapi segala kemungkinan bencana yang mungkin berlaku tanpa diduga. Saya juga berharap agar segala bantuan-bantuan dan insentif yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada mangsa-mangsa banjir telah disalurkan untuk meringankan beban mangsa-mangsa terlibat.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan barisan kepimpinan negeri serta penjawat awam dan juga pihak swasta yang sama-sama berganding bahu untuk menangani pandemik COVID-19 dan juga bencana alam banjir pada tahun lalu.

## PEMBANGUNAN EKONOMI

Penularan pandemik COVID-19 ini telah memberi impak kepada ekonomi global dan juga ekonomi negeri terutamanya pada tahun 2020, dengan penguncutan ekonomi pada kadar 5.9 peratus berbanding pertumbuhan 2.9 peratus pada tahun 2019. Semua sektor di Melaka mengalami penguncutan kecuali sektor pertanian. Situasi ini juga telah menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dan kemiskinan di dalam negara dan juga di peringkat global.

Oleh itu, melalui RMKe-12 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri, dengan matlamat 'keluarga Malaysia - makmur, inklusif, mampan', saya amat berharap agar kepimpinan kerajaan negeri yang baharu dapat merangka strategi dan inisiatif pembangunan sejajar dengan agenda 2030 (sustainable development goals) bagi merealisasikan matlamat Menuju Negeri Lestari pada tahun 2035 sepertimana yang telah ditetapkan di bawah Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035).

Agenda pembangunan ekonomi negeri yang telah dirancang di bawah PSMJ 2035 tersebut perlu diteruskan dan disesuaikan dengan keadaan dan keperluan semasa bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi, demi menarik lebih banyak pelaburan baharu tempatan mahupun asing. Agenda pembangunan menerusi PSMJ 2035 diharap dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri, merancakkan sektor pelancongan dan paling penting memperkasa dan memayungi "keséjahteraan rakyat" secara keseluruhan.

Kepimpinan kerajaan negeri dan agensi negeri perlu mempelbagaikan pendapatan rakyat dan negeri menerusi sumber yang terhad. Saya menyeru agar aset-aset terbari yang ada di negeri Melaka seperti tanah kerajaan, tanah waqaf dan bangunan terbari dapat diaktifkan penggunaannya bagi menjana ekonomi yang dapat memberi pulangan kepada pihak-pihak berkaitan.

Sektor pertanian juga berpotensi untuk dipertingkatkan. Sepertimana yang kita sedia maklum, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Melaka pada tahun 2020 direkodkan menguncup 5.9 peratus susulan pandemik COVID-19. Walaupun semua sektor utama seperti perkhidmatan dan pembuatan mencatat pertumbuhan negatif, tetapi sektor pertanian menunjukkan peningkatan sebanyak 3.7 peratus. Justeru, saya telah mencadangkan supaya kerajaan negeri menjalankan kajian mengenai potensi negeri Melaka menjadi hab-

industri pertanian berteknologi tinggi untuk membekalkan sumber makanan bagi membolehkan pengurangan import makanan ke Melaka dan Malaysia.

Sebagai sebuah negeri pelancongan, apabila sektor ekonomi ini dibenarkan beroperasi, ia memberikan semangat yang baharu kepada penggiat industri setelah sekian lama seperti tidak bernyawa. Dalam usaha untuk menyebrangkan lagi industri pelancongan, kerajaan negeri perlu merangkakan merancang inisiatif baharu yang lebih inklusif pasca pandemik COVID-19 untuk meningkatkan pelaburan dalam sektor pelancongan serta memperkenalkan produk-produk baharu untuk menjana peluang ekonomi kepada rakyat negeri Melaka dan menarik kehadiran para pelancong untuk kembali melawat negeri Melaka.

Salah satu faktor yang memberi nilai yang tinggi kepada sesbuah negeri, lebih-lebih lagi bagi negeri pelancongan adalah aspek kebersihan untuk memberi keselesaan dan tarikan kepada para pelancong. Mari kita renungkan sejenak.. bagaimanakah keadaan kita sekarang? Adakah jalan raya, sungai-sungai, kawasan taman perumahan, taman permainan hatta kawasan backlane...berada dalam keadaan bersih tanpa sampah sarap yang berlonggok dan bertebaran? Justeru, saya menyeru kepada semua pihak termasuk seluruh rakyat untuk bersama-sama berusaha untuk meningkatkan kegemilangan Melaka seperti mana suatu masa dahulu yang terkenal sebagai negeri yang paling bersih dan menjadi contoh dan ikutan kepada negeri-negeri lain.

Keunikan Melaka dengan bangunan tinggalan sejarah serta kepelbagaian budaya dan warisan pelbagai etnik juga merupakan satu kelebihan yang perlu sentiasa dijaga dengan sebaiknya. Penjagaan aspek kebersihan serta pemeliharaan keunikan warisan tersebut dilihat mampu untuk menggamit semula kedaangan pelancong ke negeri bertuah ini. Selain itu, kepelbagaian etnik yang menyambut perayaan masing-masing juga boleh dimanfaatkan dengan pelbagai hiasan dan lampu-lampu untuk memberikan keceriaan dan memeriahkan lagi bandar Melaka. Dalam fasa COVID-19 ini pula, pematuhan kepada SOP amat penting di kalangan penggiat industri termasuk jabatan dan agensi kerajaan untuk menawarkan perkhidmatan yang mesra dan selamat kepada para pelancong untuk memastikan sektor pelancongan boleh terus beroperasi dengan kepelbagaian aktiviti ekonomi yang menjana pendapatan kepada rakyat tempatan.

Kepelbagaian sub sektor pelancongan dilihat mampu untuk menarik kumpulan sasaran pelbagai kategori untuk melancong ke negeri kita. Pelancongan kesihatan adalah salah satu daripada 14 sub sektor pelancongan yang perlu ditingkatkan semula. Salah satu faktor penarik yang boleh menjadi pemangkin kepada sektor pelancongan ini adalah akses kepada connectivity. Pertimbangan daripada kerajaan persekutuan juga diperlukan untuk menyediakan peruntukan bagi pemanjangan laluan di lapangan terbang batu berendam, Melaka. Ia akan membolehkan penerbangan terus daripada pelbagai destinasi seperti Jakarta dan bandar-bandar lain di Kepulauan Jawa untuk mendapatkan rawatan perubatan serta melancong ke negeri Melaka.

\* Bersambung minggu hadapan

# SEKITAR PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI MELAKA KE-15, 28 FEB - 3 MAC 2022



TUN Mohd Ali bersama Sulaiman bergambar kenangan pada Majlis Makan Malam Bersempena Permbukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 28 Feb hingga 3 Mac lalu.



TUN Mohd Ali bersama Isteri Toh Puan Asmah Ab Rahman diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali pada Majlis Makan Malam Bersempena Permbukaan Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka pada 28 Feb lalu.



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam diiringi Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (kiri) dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Datuk Wira Ibrahim Durum menerima tabik hormat daripada pasukan kawalan kehormatan pada Perasmian Pembukaan Sidang DUN Melaka dari 28 Feb hingga 3 Mac lalu.



SULAIMAN berbincang bersama Ahli Dewan Undangan Negeri Sebelum persidangan bermula.



AHLI Dewan Undangan Negeri mengaminkan doa sebelum persidangan dimulakan.



YANG di-Pertua Negeri, Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bergambar kenangan bersama Ahli Dewan Undangan Negeri bersempena Persidangan Dewan Undangan Negeri Melaka.

# Semut, Raya and Sumatera



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

THE word *Samudra* is not the origin for the name *Sumatra*, the second largest (after Borneo) of the Greater Sunda Islands in the Malay Archipelago. *Samudra* was not known to the early Arabs, even though the region was known to them as far back as the Umayyad period and during the early Abbasids.

Early Arabs and Persians knew about Zabaj, which to them included both the Javanese kingdom and empire, as well as the Sumatran empire (Sribuza). Sribuza was known to the Chinese in their earlier texts (before 900) as Shih-li-fo-shih and later as San-fo-ch'i (Sriwijaya). Arab sailors were nevertheless familiar with the name 'Samudra' – later used

**“ References to Samura, spelt as Samatar, Samutra, Shumutra or Sumutra are found in the writings of early geographers, navigators travellers in the 13th, 14th and 15th centuries. ”**

to be inclusive of the whole island of Sumatra. They frequented Fan tür (Barus) and Ramni (Lamri) and especially Samara in the northeast of Sumatra.

*Samudra* in Bahasa Melayu means 'sea' or 'ocean.' Derived from Sanskrit, its significance and historical relevance to Sumatra, had nothing to do with the 'sea' or ocean.' Sumatra has its origins from two Bahasa Melayu words: *semut* and *raya*, which means 'great ant.' Syed Muhammad Naquib al-Attas draws his interpretation from *Hikayat Raja Pasai* (*Hikayat*), one of the earliest indigenous sources, believed to be a work of the fourteenth century, and a few earlier sources.

In his book titled *Historical Fact and Fiction* (2011), al-Attas tells us that the story of the 'great ant' came from Merah Silau, a central figure of historical consciousness in the *Hikayat*. It was narrated that he encountered an ant as large as a cat. This episode was what made him decide to call the place where he would establish his dominion as *Sumatra*, from *Sumutra* (ya). References to Samura, spelt as Samatar, Samutra, Shumutra or Sumutra are found in the writings of early geographers, navigators travellers in the 13th, 14th and 15th centuries. From these, we learned that the name *Samudra* was spelled with the letter 't' (ā), and never with the letter 'd' (dāl).

The name *Sumatra* created quite a considerable amount of educated conjectures among European scholars and historians of the Malay Archipelago since William Marsden wrote his *History of Sumatra* in 1783. At that time the name *Sumatra* was already known and applied to name the whole island.

Professor al-Attas, founder and first director of the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University Malaysia in 1987 was highlighting some problems in the historiography and history of Islam in the Malay Archipelago. In this instance, he was refuting the many versions of the name, and how it has been erroneously believed to be from the Sanskrit *Samudra* or *Suwarna*. N. J. Krom, a Dutch scholar in 1941 wrote on the name *Sumatra* in which Arabic, Chinese, Portuguese, French, Dutch and English, as well as Sanskrit and Latin versions of the possible origin were discussed.

The European scholars and historians mainly conducted their study in their various languages using the roman script; hence different spellings and confusions to the name emerged. Since the name is of an island, many have assumed as to its connection to the sea or ocean, or with much gold to be found there, hence *Suwarna*. One finds the second meaning from al-Biruni's book on India, *The Indica* (circa 1030).

Al-Biruni said that the Hindus called the islands of Sumatra and Java *Suvarnadib*, i.e. *Suvarnadvipa*; the Gold islands. It was said that there, much gold can be panned out from the earth. The Ptolemaic 'Golden Chersonese' is also thought to refer to the island of Sumatra (and the Malay Peninsula). Sumatra as an island where much gold is to be found was mentioned by early Arab authors who would have derived their knowledge from the Egyptian geographer (2nd century) and through al-Khawarizmi in the 9th century.

Al-Attas states that the name *Sumatra* for the whole island has been applied by historians since between 1300 and 1400. Arabic manuscripts of the 9th century onwards referring to the island were only consulted after the rise of Arabic studies in Europe, and then only quite recently by scholars and historians of the Malay Archipelago in the late 19th and early 20th centuries. Earlier in the 9th and 10th centuries, the names Ramni and Sribuza (Sriwijaya) respectively referred to parts of the island. With the gradual spread of Islam from the north of the island, and the establishment of the first Islamic kingdom of Pasai probably in the 9th and 10th centuries, the Malay name *Sumatra* emerged to indicate that region.

When the Malays gradually became Muslims, they took the name *Sumatra* for the island "generally deriving it from *Sumutra* to memorialize the story of the founding of Pasai as the original Muslim kingdom where Islam took root to finally encompass the island" (al-Attas, 8-9). The Arabs, who did not have the Bahasa Melayu vowel 'e' in their vocal system, could have vocalized the 'se' of *Sumutra* as either 'sa' or 'su', thus reading it not only as *Samutra* or *Sumutra*, but *Sumatra*.

There was also *Samandara* in Ming Chinese records corresponding to 1403, which the Chinese pronounced as Su-men-ta-la. And the empirical basis for the episode of the large ant? Al-Attas relied on a report compiled at the end of the 10th century from earlier sources. Here we find one Mu ammad ibn Bābīshād reporting that in the northern parts of Sumatra, there were "extremely large ants, particularly in the island of Lamri where they are enormous" (p.12).

**NEXT WEEK:  
Bukit Melaka**

\*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

THE name *Sumatra* for the whole island has been applied by historians since between 1300 and 1400.



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE

# SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK  
MENJAWAB SPM  
SUBJEK: ENGLISH

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &  
MENGINSPIRASI  
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

**PART 1****QUESTIONS 1 TO 8**

Read the text carefully in each question. Choose the best answer A, B or C. For each question, mark the correct answer A, B or C on your answer sheet.

Dear Diary,

It has been 3 days since I texted Lina about the incident and I have not received any reply from her. I know she must have been heartbroken after all the things I have said to her that day. Why did I need to tell her how I felt? I wish I could turn back time. I really missed her.

1. From this diary entry, we know that
  - A. the writer had feelings towards Lina.
  - B. the writer didn't wait for her friend's reply.
  - C. the writer felt guilty for offending her friend.
2. Which ingredient in this recipe comes from fermented milk?
  - A. Yogurt
  - B. Mustard
  - C. Lime peel

The use of energy-saving lighting is increasing as more people are becoming aware of its benefits. If you use one energy-saving bulb for four hours a day, you can save up to RM24 a year in electricity costs. Multiply that by the number of light bulbs in your house and you will save more. If every household in the country replaces three 60W incandescent light bulbs with 12W compact fluorescent bulbs, this will lead to almost RM500 million in savings nationally per year.

3. According to the text, we can reduce our electricity bills by
  - A. adding more light bulbs in our house.
  - B. using only one light bulb for four hours a day.
  - C. replacing incandescent light bulbs with energy-saving ones.

**HEALTH TIP...**

Did you know that taking zinc within 24 hours of the first sign of sore throat or a runny nose can cut the severity and duration of colds by 42%? To increase its effectiveness, take it in lozenge or syrup form to allow the substance to stay in the throat and come in contact with the cause of infection.

4. What is the aim of this poster?
  - A. To explain how zinc works for colds.
  - B. To promote zinc as the best treatment for colds.
  - C. To suggest the most effective way to cure colds.

**PUCHONG:** A 5-month-old baby girl was found unconscious in a nursery in Bandar Tasik Selat. The nanny assumed the baby was sleeping in the cot. When the mother of the child came to pick her up at 5.30 p.m., she found her unresponsive. She rushed her to the hospital but the doctor confirmed that the baby had died.

5. The news report says that
  - A. the baby died at 5.30 p.m.
  - B. the nanny called the child's mother.
  - C. the baby was not conscious when her mother fetched her.

When things get tough, my mind often turns to the former prime minister of the U.K., Winston Churchill. I admit, I am terrified of failure. I don't want to disappoint my friends and family. However, I know it's impossible to succeed at everything. That's when I remind myself with his famous quote, "success is not final, failure is not fatal: it is the courage to continue that counts."

6. The writer is most likely having a hard time
  - A. overcoming the fear of failure.
  - B. becoming a respectable leader.
  - C. finding the strength to succeed.

In a recent study of approximately 600 000 people between ages 36 and 63, researchers found a noticeable decrease in brainpower, as measured by intelligence and memory tests among those who drove for more than two hours each day. The study also found that when the participants spent more time doing sedentary activities like watching TV and driving, they fail to exercise either the body or the brain – the worse their test scores. If you must drive long distances to work, consider adding a mentally stimulating activity to your commute, such as listening to language lesson or informative podcasts.

7. From the extract, we know that
  - A. driving can lower your IQ.
  - B. sedentary lifestyle can spell bad news for your health.
  - C. watching TV can give you easy access to information on exercise.

**HOME-COOKED FOOD DELIVERY SERVICES**

Are you tired of cooking daily for your family? Tired of juggling between work from home, house chores and cooking?

**WORRY NOT!** We are here for you!

Suria Delights has been providing delicious home-cooked food for 5 years. Our food and premise are very hygienic as that is our top priority. Clean, sanitized kitchen area to ensure all food is prepared with care coupled with nutritious, healthy food of different variety of your choice.

Only RM100 for 4 persons which includes 4 main dishes and a complimentary soup.

Kindly contact Puan Ani at 0135433312 for further details.

8. Which of the following statements is true about this advertisement?
  - A. This advertisement is mainly for daily meals and is prepared in a clean premise.
  - B. This advertisement is for those who want to order big catering services for weddings and other functions.
  - C. According to the advertisement, food is prepared at your premise whenever you order it.

**PART 2****QUESTIONS 9 TO 18**

Read the text below and choose the best word for each space. For each question, mark the correct letter A, B, C or D on your answer sheet.

**An Olympic Host**

The modern Olympic Games (0) \_\_\_\_\_ were first published in Athens in 1896 (9) \_\_\_\_\_ now take place every four years. (10) \_\_\_\_\_ alternate between summer and winter Olympics although the Olympics are much bigger. They are a major sporting event in which thousands of athletes take part (11) \_\_\_\_\_ all over the world. They have grown in size significantly over the years so that now (12) \_\_\_\_\_ every nation in the world is represented.

It was decided by the International Olympics Committee (IOC) which was first set up in 1894 that if the games were to be truly international, they should take place in a different city each time they (13) \_\_\_\_\_. It is the IOC's responsibility to choose the host city, which they do through a long (14) \_\_\_\_\_ process.

The host city is responsible (15) \_\_\_\_\_ organising and funding the celebration. Hosting such a massive international event is not without (16) \_\_\_\_\_ challenges, such as, meeting

huge demands for infrastructure and accommodation as well as dealing with issues like bribery of officials, doping, boycotting and terrorism.

However, the benefits seem to outweigh the disadvantages and cities (17) \_\_\_\_\_ the world continue to compete for the privilege, because for the chosen city the Olympic Games is an opportunity to promote both the host city and the country as (18) \_\_\_\_\_ whole to the rest of the world.

- |    |                                          |                   |                   |                    |
|----|------------------------------------------|-------------------|-------------------|--------------------|
| 0  | <input checked="" type="radio"/> A. were | B. was            | C. are            | D. am              |
| 9  | A. as                                    | B. by             | C. and            | D. with            |
| 10 | A. It                                    | B. We             | C. Our            | D. They            |
| 11 | A. on                                    | B. of             | C. from           | D. between         |
| 12 | A. quite                                 | B. only           | C. almost         | D. most            |
| 13 | A. is celebrated                         | B. is celebrating | C. are celebrated | D. are celebrating |
| 14 | A. decision                              | B. selection      | C. election       | D. competition     |
| 15 | A. in                                    | B. of             | C. for            | D. with            |
| 16 | A. it's                                  | B. its            | C. those          | D. it              |
| 17 | A. from                                  | B. in             | C. over           | D. throughout      |
| 18 | A. -                                     | B. a              | C. an             | D. the             |

**ANSWER:**

- |      |      |      |      |      |      |      |      |      |      |
|------|------|------|------|------|------|------|------|------|------|
| 1.C  | 2.A  | 3.C  | 4.C  | 5. C | 6.A  | 7. A | 8.A  | 9. C | 10.D |
| 11.C | 12.C | 13.C | 14.B | 15.C | 16.B | 17.D | 18.B |      |      |

# Anugerah Projek/Program Terbaik & Anugerah Kajian Penilaian Outcome Negeri Melaka Bakal jadi acara tahunan

Faiz Hasan

**BANDARAYA MELAKA**

- Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Peringkat Negeri Melaka akan dijadikan acara tahunan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pengajuran itu bertujuan menghargai peranan jabatan dan agensi dalam melaksanakan pembangunan yang seiring dengan aspirasi kerajaan negeri.

Jelasnya, dengan pelaksanaan secara tahunan, ia sekali gus akan memberi dorongan kepada jabatan dan agensi terbabit untuk terus maju serta memberikan komitmen tinggi dalam pelaksanaan program pema-

ngunan negeri.

"Kita akan teruskan setiap tahun seperti Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC). Anugerah seperti ini mampu menjadikan jabatan dan agensi lebih berdaya saing sekali gus memberikan kualiti perkhidmatan terbaik kepada rakyat."

"Diharapkan lebih banyak penyertaan akan diterima daripada jabatan dan agensi pada masa akan datang, semua ini bertujuan untuk mengiktiraf peranan serta fungsi mereka dalam Negeri Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Peringkat Negeri Melaka

2021 diadakan di sebuah hotel di Jalan Bunga Raya, di sini 7 Mac lalu.

Sulaiman berkata, anugerah itu juga sejajar aspirasi kerajaan negeri menerusi Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ35) dengan 2022 sebagai tahun kecukupan pelaksanaan.

"Jika 2021 tahun perlaksanaan dan 2022 adalah tahun kecukupan pelaksanaan bagi menjalankan segala perancangan meliput aspek 'outcome' pembangunan negeri."

"Kecekapan pelaksanaan ini mesti merangkumi aspek-aspek pemantauan pelaksanaan projek dan program termasuklah di dalam domain pembangunan," katanya.

**Pemenang Keseluruhan Pengurusan Projek Terbaik Tahun 2020**

**SULAIMAN** menyampaikan anugerah utama kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka yang memenangi Anugerah Pengurusan Projek Terbaik Tahun 2020. Foto: Iqmal Haqim Rosman

## JPS, BKSA antara agensi cemerlang Melaka 2021



**BKSA** merangkul tiga anugerah pada Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Terbaik Melaka 2021.

**BANDARAYA MELAKA** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka dinobat sebagai jabatan kerajaan negeri paling cemerlang apabila meraih Anugerah Pengurusan Projek Terbaik Tahun 2020 pada Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik yang berlangsung di sebuah hotel di sini, 7 Mac lalu.

Tambah manis, jabatan itu turut memenangi Kajian Penilaian Outcome (Infrastruktur) menerusi kerja-kerja membina Struktur Lapis Lindung Pantai (Rock Revetment) di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara.

Turut cemerlang ialah Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka yang merangkul tiga daripada keseluruhan 12 anugerah yang dipertandingkan.

BKSA memenangi dua anugerah Projek/Program Terbaik dalam kategori Projek Bukan Fizikal Terbaik dan Anugerah Khas Juri bagi Aspek Inovasi, menerusi penyediaan pelan tindakan kecemasan Empangan Durian Tunggal dan kajian kemungkinan pembinaan Empangan Pantai Coastal Reservoir di lembangan sungai-sungai Melaka.

Mereka turut meraih satu anugerah Kajian Penilaian Outcome bagi kluster Infrastruktur menerusi Kerja-kerja Mendalamkan Bunded Storage I Dan II, Durian Tunggal serta kerja-kerja yang berkaitan di Daerah Melaka Tengah.

Selain itu, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) dan Pejabat Daerah dan Tanah Jasim (PDTJ) turut cemerlang dalam majlis itu dengan merangkul dua anugerah.

MPHTJ memenangi kategori Projek Fizikal dengan nilai melebihi RM500,000 dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome (kluster pembangunan sosial), menerusi projek Urban Reforestation Sungai Putat.

Manakala PDTJ memenangi Anugerah Projek Fizikal dengan nilai tidak melebihi RM500,000 (Sistem Perparitan Terancang dan Sistematik Di Kampung Seri Mendapat, Sungai Rambai) serta Anugerah Khas Juri bagi Pembentang Terbaik.

Turut mencatat nama sebagai pemenang ialah Jabatan Perhutanan Negeri Melaka (Anugerah Kajian Penilaian Outcome - Pelancongan), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (Anugerah Kajian Penilaian Outcome - Sistem) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) yang memenangi Anugerah Khas Juri.

Hadiyah bagi kesemua pemenang anugerah disampaikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Zaidi Johari, barisan EXCO Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri Melaka.

## Suntik semangat jabatan, agensi bantu pembangunan Melaka

**BANDARAYA MELAKA** - Kerajaan negeri terus memartabatkan peranan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan negeri yang menyumbang kepada pembangunan di Melaka.

Setiausaha kerajaan negeri, Datuk Zaidi Johari berkata, Anugerah Projek/Program Terbaik dan Kajian Penilaian Outcome Terbaik Negeri Melaka 2021 julung kali diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada jabatan dan agensi yang berjaya membentuk sebuah pengurusan pembangunan lengkap serta cemerlang.

Beliau berkata, anugerah diadakan itu sekali gus mampu menyuntik semangat jabatan dan agensi bagi memberi perkhidmatan terbaik pada masa akan datang.

"Anugerah ini seiring bagi mementingkan bakat dan ketekunan dalam pengurusan projek serta mengiktiraf mereka yang menyokong aspirasi kerajaan negeri dalam penilaian outcome

pembangunan Melaka.

"Malah mereka mampu menjadi 'role model' sebuah pengurusan pembangunan yang lengkap dan cemerlang.

"Program anjuran Pejabat Pemantauan Dan Pelaksanaan Negeri Melaka (MIMO) ini wajar diteruskan dan akan ditambah baik dari tahun ketahun agar ia mampu menjadi platform untuk meraikan peneraju pembangunan ini," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan pembukaannya pada program yang dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Anugerah diadakan kali ini membabitkan penyertaan daripada 31 projek meliputi 18 jabatan dan agensi kerajaan negeri.

Ia diadakan bagi mengiktiraf pelbagai projek pembangunan membabitkan pelbagai sektor seperti fizikal, bukan fizikal, pelancongan, pertanian serta pelbagai lagi.



**ZAIDI** ketika berucap pada Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Kajian Penilaian Outcome Terbaik Negeri Melaka 2021, 7 Mac lalu.

# RM30 juta bina 'breakwater' Pantai Puteri

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**BANDARAYA MELAKA** - Sebanyak RM30 juta telah diperuntukkan kerajaan persekutuan bagi menyelesaikan masalah hakisan yang membelenggu Pantai Puteri.

Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Melaka Abd Hakim Hamzah berkata, peruntukan itu dijangka akan digunakan

bagi membina struktur pemecah ombak (*breakwater*) selain tambakan pasir di kawasan tersebut.

Katanya, buat masaini, pihaknya sedang dalam proses rekabentuk (*design*) yang dijangka mengambil masa setahun, sebelum projek itu dapat dimulakan dan mengambil masa anggaran dua ke tiga tahun untuk disiapkan.

"Sebelum ini kita pernah la-

kukan kaedah tambakan pasir sahaja bagi mengatasi hakisan Pantai Puteri, tetapi ia tidak berkesan dan akhirnya masalah sama masih berlaku.

"Sebenarnya memang kita sudah jangkakan perkara itu berlaku kerana perancangan kita lain, tetapi disebabkan mahu memberi laluan kepada nelayan udang geragau di pantai itu jadi

perancangan asal tidak dapat direalisasikan.

"Jadi kali ini, kita masih terbuka untuk apa jua pilihan kaedah atasi hakisan tetapi kebiasaan kita akan mendangkan untuk membuat menggabungkan kaedah '*breakwater*' dan tambakan pasir," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis

Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 yang berlangsung di sebuah hotel di sini, 7 Mac lalu.

Dalam majlis itu, JPS dinobat pemenang utama selepas meraih Anugerah Pengurusan Projek Terbaik Tahun 2020 dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome (Infras- truktur) menerusi kerja-kerja membina Struktur Lapis Lindung Pantai (*Rock Revetment*) di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara.

Abd Hakim berkata, kejayaan itu bertitik-tolak daripada usaha keras kaktangan dan semua pihak berkaitan yang membantu secara langsung atau tidak langsung.

"Kebanyakan projek dan kajian yang kita jalankan biasanya JPS Melaka memang amat memeringkatkan projek yang dapat disiapkan mengikut tempoh masa ditetapkan, selain ada juga yang dapat disiapkan awal."

"Selain itu, untuk setiap projek juga kita amat mementingkan '*outcome*' dan kesannya kepada stakeholder serta penduduk."

"Contohnya, projek yang kita menangi iaitu *Rock Revetment* di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara yang mana projek berkenaan telah berjaya menyelamatkan rumah penduduk daripada dihakkelaut dan membantu penempatan nelayan di kawasan itu," katanya.



PEMANDANGAN udara struktur pemecah ombak bagi mencegah hakisan pantai.

## Melaka bakal bina Empangan Pantai pertama negara

**BANDARAYA MELAKA** - Badan Kawal Selia Air (BKSA) Melaka komited mahu merealisasikan pembinaan Empangan Pesisir Pantai (*Coastal Reservoir*) pertama Malaysia di negeri ini.

Pengarhinya, Faizah Abdul Rahman berkata, kajian bagi projek berkenaan telah siap pada tahun lalu dan kini sedang menunggu peruntukan tambahan bagi menjalankan kajian terperinci.

Menurutnya, hasil pembentangan di peringkat Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) menunjukkan maklum balas baik untuk dimasukkan kedalam Rolling Plan 3 (RP3) Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12) pada 2023.

"Mengikut perancangan, *Coastal Reservoir* itu dicadang untuk dibina di lembangan Sungai Baru, Kuala Sungai Baru. Insya-Allah kita berharap sangat ia dapat direalisasikan."

"Jika ia berjaya, Melaka bakal jadi negeri pertama mempunyai *Coastal Reservoir* kerana di negera kita masih tidak ada lagi kolam tangan pesisir pantai seperti yang direncanakan ini," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas merangkul tiga anugerah dalam Majlis Anugerah Projek/Program Terbaik dan Anugerah Kajian Penilaian Outcome Peringkat Negeri Melaka Tahun 2021 yang berlangsung di sebuah hotel di sini, 7 Mac lalu.

Mengulas lanjut, Faizah ber-

kata, pembinaan empangan pesisir pantai itu sememangnya amat penting untuk Melaka yang tergolong sebagai negeri yang tidak mempunyai sumber air semula-jadi.

Jelasnya, hasil kajian yang dijalankan, pembinaan empangan pesisir pantai itu mampu menam-

pung bekalan air di Melaka sehingga tahun 2070.

"Pada masa sama, ia (*Coastal Reservoir*) itu juga dapat menampung keperluan perancangan pembangunan zon ekonomi Melaka Waterfront Economic Zone (M-WEZ) yang dirancang kerajaan negeri," katanya.



ILUSTRASI cadangan pembinaan *Coastal Reservoir* di Melaka.



SITI FAIZAH

**Badan Kawal Selia Air (BKSA)**  
Kajian Kemungkinan Pembinaan Empangan Pantai

# Hapus 10 'sarang' dadah di Melaka



MUHAMAD Akmal dalam Sesi Lepak Santai Antidadah@Ley Park Station, baru-baru ini. Foto: Akmal Saleh

Norizan Abdul Muhid

**AYER KEROH** - Melaka mensasarkan penurunan 30 peratus bilangan kes penyalahgunaan dan penagihan dadah di negeri ini dalam tempoh empat tahun lagi.

EXCO Kesihatan dan Antidadah negeri, Dr Muhamad Akmal Saleh berkata, usaha itu dicapai melalui program Dadah Terkawal 2025 yang diaktifkan melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) negeri dari semasa ke semasa.

Menurutnya, di bawah program itu, 10 kawasan berisiko tinggi (KBT) dikenal pasti sebagai 'hotspot' kes dadah iaitu Krubong, Peringgit, Batu Berendam, Tanjung Kling, Malim, Pernu, Masjid Tanah, Kuala Sungai Baru, Kuala Linggi dan Durian Tunggal.

"Program penghijauan di lokasi terbaik sudah bermula tahun lalu di mana KBT Krubong telah berjaya dihijaukan dan tahun ini kita luaskan usaha yang samater-

hadap KBT Masjid Tanah pula," katanya kepada Melaka Hari Ini (MHI).

Beliau ditemui pada program Sesi Lepak Santai Antidadah@Ley Park Station Ayer Keroh bersama Exco Kesihatan dan Antidadah Negeri Melaka di LeyPark Station dekat Dataran Sejarah di sini, 6 Mac lalu.

Setakat tahun 2020, ujarnya, terdapat 4,855 penagih dadah berdaftar di bawah AADK dengan golongan belia berusia 19 hingga 39 tahun paling ramai terlibat dengan penyalahgunaan dan penagihan dadah iaitu 2,732 orang; dewasa (lebih 40 tahun 2,045 orang) manakala remaja berusia 13 hingga 18 tahun seramai 74 orang.

Daerah Alor Gajah mencatatkan bilangan kes pengawasan dadah paling ramai iaitu 691 kes dengan Tanjung Bidara dan Kuala Linggi, masing-masing 106 kes; diikuti Melaka Tengah dengan 504 kes dan 368 kes daerah Jasin.

Menurut Muhamad Akmal, kes penagihan dadah di Melaka meningkat setiap tahun dengan purata seramai 521 orang bagi setiap 100,000 penduduk di negeri ini.

"Kita bimbang sekiranya keadaan ini tidak dikawal bilangan mereka yang terlibat akan lebih serius dan dianggarkan 938 orang daripada 100,000 penduduk menjelang tahun 2025 nanti."

"Di sinilah pentingnya kerjasama dari pada semua pihak dalam membantu menghijaukan lokasi yang dikenal pasti sebagai KBT ini, kita mahu masyarakat ambil cakna dan tidak semata-mata berharap kepada usaha yang dilakukan oleh AADK dan PDRM sahaja," katanya.

Katanya, sekiranya masyarakat turut ambil peduli dan bersama pihak berkuasa dalam membendung penularan kegiatan penyalahgunaan dadah, tidak mustahil hasrat Melaka mencapai sasaran Dadah Terkawal 2025 berjaya dicapai.

## Hanya lepas ikan asli ke sungai

Din Ahmad

**AYER LIMAU** - Jabatan Perikanan Melaka sudah melepaskan dua juta anak ikan asli dan udang galah ke beberapa sungai di negeri ini dari 2016 hingga 2021.

jenis ikan asli berkenaan ialah lampam, puyu, keli bunga, keli kayu dan baung. Katanya, spesis ikan yang tidak dilepaskan kerana berbahaya dan mengancam ikan asli ialah baung ekor merah.

udang galah hanya kedalam sungai yang sudah dijalankan kajian mengenai kesesuaian untuk pembesaran, sekali gus meningkatkan sumber perikanan.

"Dengan kaedah itu,


benih anak udang galah di Sungai Siput, Kampung Brisu, Lubok Cina di sini.

Turut hadir Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer.

Jelasnya, sungai lain di daerah Alor Gajah yang dikenal pasti sebagai habitat pembiakan ikan asli dan udang galah ialah Sungai Rembau, Sungai Ramuan Cina dan Kuala Linggi.

"Sungai di daerah Melaka Tengah ialah Sungai Duyong manakala di daerah Jasin ialah Sungai Rambai.

"Tahun ini, kita bercadang melepaskan 500,000 anak ikan asli dan udang galah di seluruh Melaka," katanya.



HAMEED Mytheen melepaskan 35,000 benih udang galah ke Sungai Siput sambil diperhatikan Mohd Fauzi.

## Bidan anak lembu songsang

**AYER LIMAU** - Meskipun dalam keadaan terkejut dan was-was, seorang lelaki warga emas berjaya menyelamatkan anak lembu yang dilahirkan songsang dalam kejadian 6 Mac lalu.

Khalid Hassan, 62, mengakui pada awalnya cemas namun lega selepas berjaya menarik keluar anak lembu yang sukar untuk diteran keluar oleh ibu lembu.

"Semasa saya membersihkan kandang yang dibahagikan kepada enam seksyen, saya dapat ibu lembu itu sudah meneran anak tetapi kali ini saya dapat ia pelik kerana anaknya sukar untuk keluar.

"Saya terkejut apabila mendapati anak lembu dalam keadaan songsang dan saya segera menarik kaki belakangnya dan dalam tempoh kira-kira duu minit, baharulah ia berjaya ditarik keluar," katanya ketika ditemui di kandang lembunya di Kampung Ayer Limau, di sini.

Khalid yang memiliki 30 lembu dan dua kerbau berkata, dia bernasib baik kerana kedua-dua kaki belakang anak lembu sudah keluar sedikit dan ia meringankan tugas menarik haiwan itu keluar.

Jika hanya satu kaki anak lembu yang keluar, Khalid menjangka keadaan akan bertambah rumit dan kemungkinan besar dia tidak mampu menarik keluar haiwan berkenaan. Dia berkata, sepanjang 40 tahun menternak lembu dan kerbau, ia adalah kejadian pertama dia alami yang berbanding ibu lembu yang melahirkan anak secara normal sebelum ini.

Katanya, jika ibu lembu itu mati ketika melahirkan anak, dia bakal kerugian kira-kira RM7,000.



KHALID cuba membantu anak lembu yang dilahirkan dalam keadaan songsang untuk berdiri di kandangnya di Kampung Ayer Limau.

Sekian dimaklumkan

Ketua Pegawai Eksekutif,  
Perbadanan Kemajuan Tanah Adat Melaka (PERTAM)

# Adik-beradik 'penipu' tumpas akhirnya..

Siti Salehah

**AYER KEROH** - Kelicikan seorang lelaki yang disyaki terbabit dalam pelbagai kes penipuan dalam talian sehingga mengakibatkan kerugian hampir RM3.3 juta berakhir selepas dia dicekup ketika bercuti ke Melaka, awal bulan ini.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, suspek berusia 30-an itu dihantar bersama adik perempuannya di Ayer Keroh, pada 6 Mac lalu selepas diburu polis sejak enam tahun lalu.

Beliau berkata, suspek diperlakukan aktif menjalankan kegiatan penipuan sejak 2005 dengan menggunakan beberapa modus operandi dan siasatan dilakukan mendapati mereka terbabit dengan 75 kegiatan penipuan di seluruh negara.

"Untuk Melaka kita menerima dua laporan polis daripada mangsa yang juga penjawat awam mengatakan membuat pembelian lampin pakai buang melalui akaun Facebook Izzy Elle-dee pada Mei 2016 sehingga mengakibatkan kerugian lebih RM838,000.



ABDUL Majid menunjukkan foto suspek yang terlibat dengan kes penipuan dalam talian. Foto: MR Azli

"Suspek dikatakan pada awalnya ada membuat pengantaran dalam kuantiti yang sedikit sebelum memberi pelbagai alasan kepada mangsa yang bertindak sebagai pengedar sebelum

mendiamkan diri," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Melaka, di Bukit Beruang, 11 Mac lalu.

Menurut beliau, suspek diperlakukan bertindak berpindah di

merata tempat seluruh negara bagi mengelak daripada ditahan polis.

"Daripada laporan diterima di Melaka, pasukan polis kemudian menujuhkan satu pasukan

dan membuat risikan kira-kira dua bulan sebelum dapat menangkapnya awal bulan ini.

"Selain menawarkan pembelian lampin pakai buang, suspek juga menjalankan kegiatan penipuan urusan pembelian kereta, komputer riba, sewaan kereta, pakej pelancongan, jongkong emas serta set aksesori motosikal yang kesemuanya membabitkan kerugian RM3,298,135," katanya.

Abdul Majid berkata, suspek lelaki yang juga dalang utama masih direman bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan manakala adik perempuannya direman sehingga esok.

"Suspek wanita disyaki berperanan sebagai pemilik akaun dan siasatan menyeluruh terhadap suspek lelaki masih diteruskan bagi mengenalpasti pembabitannya dalam kes penipuan yang lain.

"Ketika tangkapan dibuat, polis turut merampas tiga buah telefon bimbit dan sekeping kad keahlian parti politik yang tertera nama suspek menggunakan gelaran Datuk dipercayai palsu," katanya.

## Maut terjunam 15 meter dari jambatan

**KOTA LAKSAMANA** - Lelaki warga emas maut selepas kereta dipandunya dipercaya hilang kawalan sebelum terjunam dari jambatan berketinggian kira-kira 15 meter dalam kejadian di Jalan Syed Abdul Aziz, di sini, pagi tadi.

Kejadian kira-kirajam 9.20 pagi itu mengakibatkan mangsa Tan Chin Chee, 76, yang memandu Toyota Vios maut dilokasi kejadian.

Ketua Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) negeri Superintendant Hasan Basri Yahya berkata, siasatan di tempat kejadian mendapati terdapat dua lorong dan dua hala selain terdapat juga kesan calar diatas jalan raya.

Beliau berkata, sebelum kejadian mangsa dikatakan dalam perjalanan dari arah Kota Syahbandar menghala ke Melaka Raya.

"Hasil siasatan dilakukan mendapati mangsa disyaki hilang kawalan dari lorong kiri

lalu masuk ke lorong bertentangan sehingga terjatuh ke bawah jambatan.

"Anggaran ketinggian dari jambatan Jalan Syed Abdul Aziz ke tempat kejadian kira-kira 15 meter," katanya.

Menurut beliau, mayat mangsa dibawa keluar dengan bantuan pasukan bomba sebelum dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Melaka bagi proses bedah siasat.

"Kenderaan mangsaturut ditahan untuk dibawake Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer (PUSPAKOM) untuk pemeriksaan selain kes disiasat mengikut Seksyen 41 Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987," katanya.

Sementara itu Jurucakap Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka berkata, seramai lapan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Melaka Tengah digerakkan ke lokasi kejadian bagi membantu mengeluarkan mayat mangsa.



KERETA dipandu warga emas hilang kawalan sebelum terjunam dari Jambatan Syed Abdul Aziz. Foto: Ihsan polis

### YAYASAN MELAKA

#### KENYATAAN TAWARAN SEBUTHARGA

Sebutharga adalah dipelawa di kalangan syarikat-syarikat yang berdaftar, berpengalaman dan berkelayakan dalam kod bidang yang berkaitan berdasarkan ketentuan berikut:-

TAJUK KERJA	SYARAT PENDAFTARAN / KOD BIDANG	(TARIKH/ MASA/ TEMPAT)		
		LAWAT TAPAK	PENJUALAN DOKUMEN	TUTUP SEBUTHARGA
PERKHIDMATAN MEMBEKAL, MEMASANG, MENGGONFIGURASI, MENGUJI DAN MENTAULIAH SEUNIT SERVER STORAN SERTA SISTEM APLIKASI DAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN ICT MILIK YAYASAN MELAKA BAGI TEMPOH 3 TAHUN	KEMENTERIAN KEWANGAN  <u>210101</u> DAN <u>210102</u> DAN <u>210103</u> DAN <u>210104</u>	16 Mac 2022 (Rabu)  10.30 pagi	16 Mac 2022 hingga  23 Mac 2022  <b>RM20.00</b> Draf Bank atas nama Pengurus Besar Yayasan Melaka	30 Mac 2022 (Rabu)  12.00 Tengahari (dokumen lewat tidak akan dipertimbangkan)
Sebutharga Bil. 4/2022 (B)	(Bekalan dan Pekhidmatan bagi sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi)	Di Bangunan Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, Melaka (sebelah UTC Melaka)	Unit Penyelenggaraan & Ukar Bahan, Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, Melaka (sebelah UTC Melaka)	Peti Sebutharga Yayasan Melaka, Wisma Yayasan Melaka, Jalan Hang Tuah, Melaka (sebelah UTC Melaka)

- Bagi sesi lawatan dan taklimat sebutharga, kehadiran adalah diWAJIBkan dan hanya satu (1) orang wakil bagi setiap syarikat sahaja dibenarkan masuk ke dalam ruangan taklimat tersebut. Kegagalan pihak syarikat menyertai taklimat tersebut akan menyebabkan penyertaan syarikat DITOLAK.
- Dokumen Sebutharga akan dikeluarkan kepada pemilik/wakil syarikat yang sah dan diberikuasa dengan membawa perakuan/sijil ASAL dan SALINAN Kementerian Kewangan Malaysia.
- Pemilik/wakil syarikat yang hadir lawatan tapak, pembelian dokumen sebutharga dan urusan berkaitan hendaklah sentiasa mengambil perhatian dan mematuhi langkah-langkah pencegahan COVID-19 dengan mematuhi Standard of Procedure (SOP) berikut-
  - Sentiasa memakai pelitup muka (face mask);
  - Menggunakan sanitasi tangan (hand sanitiser);
  - penjarakan sosial sejauh 1 meter.

# Yamaha NVX menanti pengunjung bertuah

Faiz Hasan

**BANDA HILIR** - Pengunjung bertuah yang ke-8 juta berkunjung ke Menara Taming Sari (MTS) bakal membawa pulang sebuah motosikal Yamaha NVX.

EXCO Pelancongan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, program yang dilancarkan itu sempena sambutan pengoperasian MTS yang kini telah memasuki tahun ke-14 tahun operasi.

Katanya, sehingga kini mercu pelancongan di Banda Hilir itu telah berjaya menarik seramai 7.3 juta pelancong.

Beliau berkata, MTS sedang mencari pengunjung bertuah itu untuk menawarkan pelbagai hadiah

lain termasuk telefon pintar, basikal lasak, tablet dan baucar percutian kepada pengunjung bertuah.

"Pengoperasian MTS sejak 2008 merupakan ikon pelancongan negeri yang wajib dikunjungi menerima sambutan pelancong dari dalam dan luar negara.

"Program diadakan ini sekali gus mampu meningkatkan lagi kadar pengunjung ke MTS sekali gus mempertingkatkan kemasyukan pelancong ke Melaka dalam pasca COVID-19," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pelancaran Program Pencarian Pengunjung Bertuah ke 8 Juta di Pekaranan Menara Taming Sari, di

sini, 5 Mac lalu.

Hadir sama, EXCO Kerja Raya Negeri Datuk Rahmad Mariman dan EXCO Belia dan Sukan Negeri V P Shanmugam.

Terdahulu, pada program sama, turut diadakan Konvoi Bermotor Semarak Pelancongan Melaka 2022 bagi mempromosikan sub-sektor pelancongan sukan bermotor Melaka selaras dengan kebenaran rentas negeri yang telah bermula pada 11 Okt tahun lalu.

Konvoi itu melibatkan lebih 100 orang peserta dengan laluan sejauh 144 kilometer dan beberapa perhentian seperti di Hotel Seri Malaysia, Puteri Bay Hotel, Amanjena Resort, Freeport A'Famosa Outlet dan A'Famosa Resort.



MUHAMMAD Jailani (kiri) melihat motosikal yang bakal dimenangi pengunjung bertuah ke-8 juta Menara Taming Sari. Foto Iqmal Haqim Rosman



MELAKA membenarkan solat Tarawih tanpa sekatan pada Ramadan tahun ini. (Gambar hiasan). Foto: Iqmal Haqim Rosman

## Konvokesyen ke-17: UTeM sedia 2,000 kit RTK

Liana Sahabudin

**DURIAN TUNGGAL** - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) menyediakan 2,000 kit ujian kendiri COVID-19 untuk kegunaan graduan bergejala semasa menghadiri Majlis Konvokesyen Ke-17 universiti itu 14 hingga 17 Mac ini.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi yang menjalankan fungsi Naib Canselor UTeM, Prof Ir Dr Ghazali Omar berkata, graduan juga diwajibkan untuk melakukan ujian pantas (RTK) antigen sehari sebelum menghadiri konvokesyen.

"Graduan, ibu bapa atau penjaga yang datang konvokesyen nanti kita minta mereka buat ujian RTK, tunjukkan bukti kepada pengawal keselamatan di pintu utama dan baru mereka dibenarkan masuk."

"Tetapi jika mereka sudah masuk ke perkarangan majlis dan menunjukkan gejala, kita tidak akan biarkan sebaliknya ambil pendekatan menyediakan lebih 2,000 kit untuk ujian RTK.

"Kita juga ada perkhidmatan kesihatan di dewan konvokesyen, jika ada yang bergejala kita asingkan di tempat disediakan, bagi memastikan konvokesyen selama empat hari ini berjalan lancar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Konvokesyen Ke-17 UTeM, 14 hingga 17 Mac ini di Bangunan Canselor UTeM di sini, 7 Mac lalu.

Hadir sama Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UTeM, Datuk Dr Sabri Mohamad Sharif dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Prof Dr Zulkifilie Ibrahim.

Mengulas lanjut, Ghazali ber-

kata konvokesyen UTeM kali ini bakal menyaksikan seramai 3,275 graduan bakal menerima anugerah.

"Kali ini UTeM turut menyampaikan Anugerah Khas Huf-

faz Profesional kepada seorang pelajar dari Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Dengan Kepujian buat pertama kali.

"Terdapat juga Anugerah Profesor Emeritus diberikan ke-

pada Datuk Ismail Hassan sebagai tanda penghargaan beliau telah berjasa kepada UTeM yang dilantik sebagai Naib Canselor pertama UTeM pada tahun 2007 hingga 2008," katanya lagi.



GHAZALI (tengah) semasa sidang media Majlis Konvokesyen Ke-17 UTeM pada 14 hingga 17 Mac ini di Bangunan Canselor UTeM.

# Usah diagungkan tinggalan penjajah

Norizan Abdul Muhid

**BANDA HILIR** - Usaha mengembalikan nama Bukit Melaka di St Paul Hill dekat sini, sepatutnya dilakukan lebih awal sebagaimana dilaksanakan negara lain.

Pengerusi Majlis Penasihat Warisan Peradaban Melayu, Tan Sri Prof Dr Abdul Latiff Abu Bakar berkata, usaha itu terhalang disebabkan pemikiran sesetengah pihak yang kuno dan buta sejarah dengan menerima tinggalan sejarah penjajah sebagai warisan.

Menurutnya, penjajah membawa agenda mahu melenyapkan warisan sejarah Kesultanan Melayu Melaka dengan membina gereja St Paul bagi meninggalkan kesan penjajahan mereka.

"Penjajah tukar nama tempat istana dengan nama St Paul Hill, ini dibuktikan pada peta kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dan sewaktu Portugis menyerang istana, mereka menggunakan petayang menyebut Melaka Hill."

"Portugis mahu melenyapkan warisan sejarah Melaka dan setelah negara sudah

merdeka, kita tidak boleh lagi terikut dengan mentaliti penjajah yang berniat mahu menjatuhkan maruah kita."

"Sebagai rakyat yang taat kepada negara, kita seharusnya bersemangat untuk kembali nama asal Bukit Melaka gantikan nama St Paul Hill," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas usaha kerajaan negeri dan Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) yang mahu mengembalikan nama asal Bukit St Paul kepada Bukit Melaka.

Abdul Latiff yang juga tokoh sejarah dan kebudayaan negara berkata, setiap rakyat Melaka yang berbilang bangsa seharusnya bersemangat dan menyokong apa jua bentuk usaha yang digerakkan kerajaan negeri bagi mengembalikan kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka yang mashyur satu ketika dulu.

"Bila kita sudah merdeka, kita bawa imej Malaysia bukan mengenangkan penjajah dan usaha ini sudah lama diamalkan oleh negara lain."

"Misalnya, China yang dulunya dikuasai penjajah British telah mengubah nama Beijing dulu Peking, Myanmar dulu Burma, sebab mereka tahu British meletakkan nama sedemikian demi kepentingan mereka sendiri," katanya.

Beliau turut hairan dengan dakwaan individu tertentu yang menuduh usaha kerajaan negeri dan PERZIM mengembalikan nama asal Bukit Melaka akan mengubah se-

jarah negara.

"Apa yang kerajaan negeri dan PERZIM lakukan ialah semata-mata mahu mempertahankan kedaulatan sejarah Kesultanan Melayu Melaka dahulu."

"Hakikatnya, lihat sendiri pada tapak sejarah bangunan St Paul Hill, tiada apa dimusnahkan kerana sebagai bangsa yang bertamadun kita masih menjaga tapak tinggalan sejarah walaupun kita sedar penjajah mahu imej mereka terus berada di situ."


"Jika dibandingkan dengan negara lain, mereka akan musnahkan sama sekali apa sahaja tinggalan sejarah penjajah di negara mereka," ujarnya.

Menurutnya, penggunaan nama asal Bukit Melaka adalah wajar bagi menampilkan kejayaan dan kegemilangan Melaka yang telah dicapai pada masa ini.

"Sebab itu kita menggerakkan pelbagai usaha untuk mengembalikan sejarah kegemilangan Melayu Melaka ini antaranya membina replika istana bagi memelihara sejarah warisan negara."

"Kalau kita bangsa yang zalim dan seperti mana negara dunia lain, kita musnahkan gereja yang dibina oleh penjajah dan gantikan dengan replika istana zaman Kesultanan Melayu Melaka."

"Namun kita tidak zalim dengan meruntuhkan tinggalan sejarah yang ada dan masih menjaga keharmonian pelbagai bangsa," katanya.



LAKARAN peta yang menunjukkan nama Bukit Melaka pada tahun 1500.



ABDUL Latiff



## PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

### TEMPAHAN IKLAN 018 329 9936



**AUTOMOTIF**

Kereta  
Motosikal  
Trak  
Bas  
Lori




**HARTANAH**

Perumahan  
Rumah Kedai  
Lot Tanah



**KERJAYA**


Sepenuh masa  
Separuh masa  
Latihan  
Skim Graduan



**KLASIFIKASI**

AM

Perkhidmatan  
Kecantikan  
Kesihatan  
Perabot



**NOTIS**

Lelongan  
Guaman  
Kewangan  
Tender  
Notis Am


[www.melakahariini.my](http://www.melakahariini.my)




[Melaka Hari Ini](#)


[Melaka TV](#)

# 'Vida' percaya masa mengubah segalanya

**Mohamad Fazrul Abdul Majid**

**KEPUTUSAN** satu seri dan tewas sekali dalam aksi pembukaan saingan Liga Super memberi gambaran jelas bahawa Kelab Bolasepak Melaka United masih belum bersedia sepenuhnya.

Hal itu diakui Ketua Jurulatih Melaka United Risto Vidakovic yang menyifatkan ia berikutan kebanyakannya pemain tidak dapat menyertai pasukan lebih awal untuk sesi latihan, termasuk ada yang hanya tiba kira-kira 10 hari sebelum saingan liga bermula.

Katanya, segala kelemahan pasukan dapat dilihat dengan jelas apabila ramai di antara pemain masih bergelut dan tidak cukup bersedia ketika beraksi di atas padang.

"Saya akui memang masih terdapat ramai pemain yang belum bersedia. Seperti saya katakan sebelum ini, ramai yang tiba lewat dan hanya menjalani latihan 10 hari yang lalu."

"Jadi untuk mereka capai prestasi seperti yang saya mahukan pada saya ia masih terlalu awal untuk diperkatakan."

"Mustahil untuk kami menjadi sebuah pasukan yang 100 peratus baik mengikut

situasi sekarang kerana bagi saya untuk bersedia, pasukan itu memerlukan sekurang-kurangnya sebulan atau lebih," katanya.

Meskipun begitu, pengendali dari Bosnia & Herzegovina itu tetap optimis persembahan anak buahnya akan mula menunjukkan peningkatan seiring dengan masa.

"Kita bermula lewat dan agak bergelut, tetapi saya tetap yakin sedikit demi sedikit, kita akan bertambah baik."

"Ia dapat dilihat dalam aksi kedua liga menentang Penang FC yang mana pemain mula menunjukkan peningkatan di separuh masa kedua dan mencipta banyak peluang."

"Jadi, ia menunjukkan satu peningkatan yang baik dalam menghadapi saingan sepanjang musim ini," katanya lagi.

Sebelum ini, dalam aksi pertama, Melaka United tewas 0-1 di tangan Petaling Jaya City FC di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dalam aksi kedua menentang Penang FC di Stadium Bandaraya Pulau Pinang, skuad Hang Tuah bangkit daripada ketinggalan untuk mengikut tuan rumah, sekali gus meraih satu mata pertama musim ini.



AKSI pemain Melaka United ketika menentang Penang FC di Stadium Bandaraya Pulau Pinang 8 Mac lalu.

## Tiada Pengarah MSN tidak rencat pembangunan sukan Melaka - EXCO



**Fiqqah Jamal**

**KEKOSONGAN** jawatan Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN) Melaka sejak dua tahun lalu tidak merencatkan atau memberikan implikasi negatif kepada pembangunan dan perancangan sukan di negeri ini.

Menjelaskan isu dibangkitkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Keroh, Kerk Chee Yee, EXCO Sukan negeri, V P Shanmugam berkata sepanjang keko-

songan, tugas bagi jawatan berkenaan dijalankan oleh tiga orang penyandang.

Beliau berkata, sebelum ini jawatan itu disandang Tan Gek Chu dari 5 Jan 2020 hingga 2 Ogos 2021, Ahmad Azlan Ahmad Salleh dari 3 Ogos hingga 4 Jan 2022 dan Mahathir Mustaffa dari 5 Jan 2022 sehingga sekarang.

Katanya, terdapat dua calon dicadangkan untuk mengisi jawatan itu, namun tidak melepas ke-

layakan akademik dan pengalaman sukan ditetapkan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA).

"Jawatan Pengarah MSN tidak diisi secara hakiki selepas tempoh pinjaman Arrifin Mohd Ghani berakhir pada 5 April 2020, namun saya ingin tekankan tugas bagi jawatan itu tetap dilaksanakan tiga penyandangnya."

"Tidak ada isu 'political purging' dalam hal ini seperti yang didakwa Chee Yee dalam laporan

media semalam (6 Mac).

"Beliau pernah menjawat portfolio ini (Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan Kerajaan) dan sepatutnya lebih arif dalam hal ini, kalau nak tahu boleh tanya saya, bukan jadi hero di media elektronik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Perasmian Penutup Kejohanan Melaka Esport Challenge 2022, di pusat beli-belah, di sini, 6 Mac lalu.

## Hidilyn bakal saksi 200 'badang' berentap di Jasin

**Norizan Muhib**

**JAGUH** angkat berat Filipina, Hidilyn Diaz yang merangkul pingat emas Sukan Olimpik Tokyo 2020 lalu dijangka hadir sebagai tetamu istimewa Kejohanan Angkat Berat Youth, Junior dan Senior Kebangsaan di Dewan Alamanda Majlis Perbandaran Jasin (MPJ) pada 14 hingga 19 Mac ini.

Pengerusi bersama program, Ahmad Janius Abdullah berkata, kejohanan terbuka kepada penyertaan lelaki dan wanita mengikut kategori itu bakal disertai 200 atlet dan pegawai dari seluruh negara.

Menurutnya, urus setia kejohanan terdiri daripada Persekutuan Angkat Berat, Majlis Sukan Negara (MSN) dan Jabatan Belia dan Sukan Negeri selain penglibatan beberapa agensi lain antaranya Kelab Angkat Berat Nyalias serta MPJ.

"Tiada kelayakan tertentu ditetapkan kepada peserta cuma setiap acara dibahagikan kepada kategori mengikut berat badan.

"Bagi acara Remaja atau Youth ditekankan bawah 17 tahun dengan tujuh kategori, Junior bawah 21 tahun manakala Senior 21 tahun dan ke atas. Masing-mas-

ing 10 kategori berat badan," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa kejohanan itu yang dipengerusikan oleh Setiausaha MPJ, Muhammad Zahiruddin Mohd Zahari pada 7 Mac lalu.

Selain itu Ahmad Janius yang juga Pengurus Pembangunan Persekutuan Angkat Berat Malaysia (PABM) berkata, kejohanan itu dianjurkan ekoran sambutan mengalakkannya dari penganjuran Angkat Berat Remaja yang diadakan di Ibu Pejabat Polis daerah Jasin tahun lalu.

"Cuma kejohanan kali ini terbuka kepada semua kategori dan agak besar diadakan di peringkat kebangsaan."

"Ini

kejohanan pertama setelah hampir dua tahun kita tidak mengadakan sebarang kejohanan ekoran penularan wabak COVID-19.

"Penganjuran kejohanan kali ini juga menarik lebih ramai penglibatan atlet angkat berat dalam melengkap-

**HIDILYN** Diaz mencetus fenomena selepas meraih pingat emas Olimpik untuk Filipina biarpun hanya berlatih di gimnasium kampung di Kampung Kesang Tua, Jasin. Foto: Reuters



**HAK MILIK KEKAL**

**20' x 70'** Untuk Bumiputera Sahaja

**RUMAH TERES 2 TINGKAT**

**MOLEK RESIDENCE**

Watch Interior 360° view >>  
<https://molekresidence.weebly.com/>

**DIBUKA UNTUK JUALAN**

**06-337 3333**

Pemaju:  
**PADUWAN REALTY SDN BHD**  
Satu lagi projek berprestij oleh:  
**PB REALTY**

2.2282773,  
102.3281568

Sin Chew Business Excellence Award 2018  
Golden Eagle Award Emerald Eagle 2018

\* No. lesen Pemajuan Perumahan : 12412-9/11-2023/0876(L) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • No. Permit Iklan & Jualan : 12412-9/11-2023/0876(P) • Tempoh Sah : 30/11/2021 hingga 29/11/2023 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Hong Tush Jaya • No Rujukan : MPHTJ/603/08/2019/13 • Tarikh Jangka Siap : Nov. 2023 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : RHB Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM439,000.00 min. RM710,500.00 maks. (152 unit)

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**

**KRUBONG HEIGHTS**  
HAK MILIK KEKAL

Untuk Bumiputera Sahaja

**20' x 70'**

Rumah Teres 2 Tingkat

4 Bilik Tidur | 3 Bilik Air

06. 337 3333 [www.pbrealty.com.my](http://www.pbrealty.com.my)

012. 601 0486 Vinz Lee  
012. 661 1682 Tammy Ong

012. 638 4496 Yen  
012. 606 8195 Sylvia Chew

012. 698 6255 Kelly Ong  
012. 733 0165 Elynn Un

012. 667 0833 Sara Siow  
012. 606 3165 Edwin Chan

012. 618 7922 Zura  
012. 631 6670 Aqilah

017. 692 5087 Aliman

## Keharmonian tercipta disini...

Taman Krubong Heights merupakan bandar bersepada yang terulung. Berlokasi di persekitaran yang strategik dan indah. Hartanah unggul yang berprestij dan selektif ini dapat memenuhi citarasa gaya hidup anda.

Watch Interior 360° view >>  
<https://krubongheights-bumi.weebly.com/>



2.331139,  
102.241028

Pemaju:  
**PB REALTY SDN BHD** 338851-D

No. 1B, Wisma PB Realty, Jalan PK 8,  
Taman Perindustrian Krubong,  
75260 Melaka. Fax: 06.336 5678 [www.pbrealty.com.my](http://www.pbrealty.com.my)

\* No. lesen Pemaju Perumahan : 8187-11/07-2022/0419(L) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • No. Permit Iklan dan Jualan : 8187-11/07-2022/0419(P) • Tempoh Sah : 22/07/2020 hingga 21/07/2022 • Pihak Yang Meluluskan Pelan : MBMB • No Rujukan : MBMB/JKR.03025/08/2018(10) • Tarikh Jangka Siap : July 2022 • Pegangan Tanah : Hak Milik Kekal • Bebanan Tanah : Hong Leong Bank Berhad • Harga Jualan dan Jumlah Unit : RM412,500.00 min. RM615,000.00 maks. (76 unit)

**IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA**



>>  
Mencari  
'jelmaan'  
Hidilyn ■ 30

MELAKA HARI INI / 14 MAC - 20 MAC 2022

# Sukan MELAKA HARI INI



>>  
Vidakovic  
belum  
gembira  
■ 30

Piala Ketua Menteri Melaka Esport Challenge 2022

## TT4Killer jaguh PUBG, The Academy takluk MLBB



THE Academy menjuarai kategori MLBB dalam Kejohanan Piala Ketua Menteri MEA Esport Challenge 2022.

Fiqah Jamal

**PASUKAN** TT4Killer dan The Academy muncul juara Piala Ketua Menteri Melaka Esport Challenge 2022 bagi kategori Player Unknowns Battlegrounds (PUBG) dan Mobile Legends Bang Bang (MLBB).

Kedua-dua kumpulan itu membawa pulang wang tunai bernilai RM 1,000 berserta piala pusangan dan medal dalam kejohanan yang diadakan selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Mac lalu di pusat belia bahagian Bandaraya Melaka.

Bagi tempat kedua kategori PUBG, disandang oleh pasukan FarangXMIT manakala untuk kategori MLBB disandang oleh Suhaz Jr. dengan masing-masing membawa pulang wang tunai bernilai RM 700 dan medal.

Pasukan Tabrak Chicken pula meraih tempat ketiga bagi kategori PUBG manakala Saudagar EA Ebliz bagi kategori MLBB dengan masing-masing membawa pulang wang tunai RM 500 berserta medal.

Kesemua hadiah kemenangan disampaikan oleh EXCO Pembangunan Belia, Sukan dan Badan Bukan

Kerajaan (NGO) negeri, V.P Shanmugam selepas merasmikan upacara penutup kejohanan terbabit.

Shanmugam dalam ucapannya berkata, kerajaan negeri sentiasa memberi sokongan terhadap pembangunan belia dalam negeri termasuk perkembangan sukan elektronik yang merupakan cabang dalam industri digital.

"Sokongan kerajaan negeri terhadap perkembangan belia dalam sukan elektronik ini tidak akan pernah padam dan semoga dengan penganjuran sukan seperti ini mampu memajukan lagi industri sukan elektronik dan perkembangan belia Melaka dari masa ke semasa," katanya.

Untuk rekod, kejohanan anjuran Persatuan Sukan Elektronik Negeri Melaka (MEA) itu mendapat sambutan menggalakkan dengan 416 penyertaan dari seluruh negara.

Kategori PUBG dan MLBB itu memerlukan sekurang-kurangnya lima orang untuk satu pasukan dan



MOHD Haiqal Hakim, 20, mewakili pasukannya TT4Killer menjadi juara bagi kategori PUBG menewaskan 63 lagi pasukan dalam kategori itu.



SHANMUGAM (dua kanan) ketika menyampaikan hadiah kepada pemenang.

untuk keseluruhan seramai 64 pasukan bagi kategori PUBG, 16 pasukan untuk MLBB, manakala Permainan Tekken 7 disertai seramai 17 individu.

Sepanjang kejohanan itu, turut

diadakan sesi bual bicara bersama ikon sukan elektronik dan pengulas profesional Melaka dengan tajuk Sebuah Mana Boleh Berkembang? bersama panel Si Jali, Higen dan HBO.

Jadual perlawanan Melaka United 2022			
MELAKA UNITED FC	VS	SABAH FC	5 APRIL 2022   SELASA   STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC	VS	SELANGOR FC	10 MEI 2022   SELASA   STADIUM HANG JEBAT
KUALA LUMPUR CITY FC	VS	MELAKA UNITED FC	9 APRIL 2022   SABTU   STADIUM KLFA
TERENGGANU FC	VS	MELAKA UNITED FC	17 MEI 2022   SELASA   STADIUM SMZA
SRI PAHANG FC	VS	MELAKA UNITED FC	16 APRIL 2022   SABTU   STADIUM DARUL MAKMUR
MELAKA UNITED FC	VS	NEGERI SEMBILAN FC	20 MEI 2022   JUMAAT   STADIUM HANG JEBAT
KEDAH DARUL AMAN FC	VS	MELAKA UNITED FC	6 MEI 2022   JUMAAT   STADIUM DARUL AMAN
MELAKA UNITED FC	VS	SARAWAK UNITED FC	25 JUN 2022   SABTU   STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC	VS	JOHOR DARUL TA'ZIM FC	2 JULAI 2022   SABTU   STADIUM HANG JEBAT

[www.melakaharianini.my](http://www.melakaharianini.my) Melaka Hari Ini Grafik : Melaka Hari Ini | Sumber : Malaysian Football League (MFL)

